

## JANUARI 2022

### **MESYUARAT PEMBUKA TIRAI 2022 AKRAB-DQ**

3 Januari 2022 - Unit Kaunseling Darul Quran JAKIM telah melaksanakan Mesyuarat Ahli Pembimbing Rakan Sekerja AKRAB-DQ Bil. 1/2022 yang telah dihadiri seramai 16 orang ahli bertempat di Dewan Syura Utama Darul Quran. Mesyuarat ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran JAKIM, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh.

Mesyuarat Ahli Pembimbing Rakan Sekerja AKRAB buat kali pertama sebagai pembukaan Tahun 2022 ini adalah bertujuan untuk membentuk Ahli Jawatankuasa baru dan membincangkan beberapa Perancangan Program/Aktiviti Tahunan AKRAB bagi tahun 2022.

Diharapkan agar AKRAB-DQ dapat mewujudkan keharmonian, keakraban, saling hormat menghormati, mengenal potensi diri serta dapat mewujudkan budaya kerja yang cemerlang ke arah meningkatkan imej organisasi.



## **MESYUARAT PENYELARASAN MENJAWAB MAKLUM BALAS LAPORAN PENILAIAN AUDIT PEMATUHAN AKREDITASI PENUH PROGRAM IJAZAH USIM-DQ**

6 Januari 2022 - Mesyuarat penyelarasan bagi menjawab maklum balas Laporan Penilaian Audit Pematuhan Akreditasi Penuh Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Keahlian telah berlangsung antara Darul Quran dengan USIM di kampus Fakulti Quran & Sunnah (FPQS), USIM Nilai.

Mesyuarat kali ini juga turut membincangkan tentang semakan semula Memorandum Perjanjian (MoA) yang akan tamat pada sesi akademik 2021/2022 ini. Selain itu perbincangan juga difokuskan kepada hala tuju pelaksanaan program ini agar lebih berprestij dan sesuai dengan kehendak MQA.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dekan FPQS, Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin. Delegasi DQ diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin, Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti yang mewakili Pengarah Darul Quran.



## PERTEMUAN PERKEMAT DQ BERSAMA PENGARAH

6 Januari 2022 - "Bagaikan aur dengan tebing", begitulah perumpamaan yang dapat digambarkan apabila pihak pengurusan Darul Quran sentiasa saling bekerjasama dalam pelbagai aktiviti dan program yang diadakan sama ada dalam mahupun luar kampus DQ.

Ini juga merupakan pertemuan kali pertama secara bersemuka bersama Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz Darul Quran (PERKEMAT DQ) semenjak tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan kerana wabak pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara.

Pelbagai isu dibincangkan antaranya berkenaan kemasukan para pelajar luar negara ke kampus dan lain-lain isu. PERKEMAT DQ yang diketuai oleh saudara Muhammad Medina Munawwarrahmathuddin Al Haq Mohamed selaku Yang DiPertua bersama dengan 22 orang ahli yang lain adalah merupakan Barisan Pimpinan PERKEMAT Sesi 2021/2022.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN DARUL QURAN JAKIM BIL. 1/2022

10 Januari 2022 - Selesai pada pagi ini mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Darul Quran JAKIM bilangan 1 pada tahun 2022.

Pelbagai agenda dibincangkan dalam mesyuarat ini yang berkaitan dengan hal ehwal akademik di DQ seperti keputusan peperiksaan, kurikulum, berkaitan dengan rayuan akademik pelajar dan lain-lain.



## PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UNITEN

11 Januari 2022 - Seramai 150 orang pelajar Semester Satu dan Empat bagi Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN telah menduduki peperiksaan bagi sesi Januari 2022. Peperiksaan ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 10 dan 11 Januari 2022.

Sesi peperiksaan kali ini telah diadakan di dua lokasi iaitu di Kolej Pengajian Asas & Diploma bagi subjek Hifz al-Quran Syafawi serta Tajwid Amali dan di Perpustakaan UNITEN bagi subjek-subjek bertulis.

Universiti Tenaga Malaysia (UNITEN) merupakan salah satu IPT yang menandatangani MoU dengan Darul Quran bagi menjalankan Program Pensijilan Tahfiz bagi model tahfiz sains atau tahfiz profesional dengan sasaran untuk melahirkan graduan jurutera huffaz.

Kami warga Darul Quran JAKIM mengucapkan selamat berjuang dan semoga terus berjaya dalam pengajian.



## PERHIMPUNAN BULANAN PEGAWAI & KAKITANGAN DARUL QURAN

11 Januari 2022 - Perhimpunan bulanan pegawai dan kakitangan Darul Quran serta amanat Pengarah Darul Quran siri pertama diadakan pada awal pembukaan tahun baharu 2022 ini. Perhimpunan yang diadakan pada jam 11:00 pagi ini telah diadakan di Auditorium Sheikh Mohd Noor.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu JAKIM dan nasyid Asma' al-Husna sebaik ketibaan Pengarah. Slot seterusnya ialah tayangan slaid berkenaan pegawai-pegawai yang bertukar keluar dan masuk ke Darul Quran, pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat, pertukaran dalaman serta slaid program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

Seterusnya perhimpunan diteruskan dengan agenda utamanya iaitu penyampaian amanat Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. Antara intipati ucapan pengarah ialah para pegawai sentiasa diingatkan untuk menjaga masa dan komitmen terhadap tugas yang diberikan. Cabaran dan rintangan yang dihadapi sepanjang tahun 2021 menjadi pembakar semangat untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang pada tahun baharu 2022 ini. Yang berusaha Pengarah juga turut mengingatkan warga DQ agar meningkatkan integriti serta mematuhi etika penjawat awam seperti yang telah ditetapkan. Perhimpunan berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan bacaan tasbih kafarah dan surah al-Asr.



## MESYUARAT KHAS BAGI MENANGANI ISU JANGKITAN COVID-19

12 Januari 2022 - Bagi mengawal jangkitan Covid-19 daripada terus merebak, Darul Quran telah mengambil langkah segera dengan mengadakan mesyuarat khas bagi menangani isu penularan jangkitan Covid-19 dalam kalangan pelajar. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh dan dihadiri oleh wakil-wakil setiap Cawangan serta wakil persatuan pelajar.

Antara keputusan yang diambil dalam mesyuarat ini mewujudkan 'Task Force Covid DQ' yang ahlinya terdiri daripada pihak pentadbiran DQ, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Unit Kolej Kediaman, warden-warden serta persatuan-persatuan pelajar.

Skwad khas ini akan bertindak dengan mengambil langkah-langkah perlu dan sewajarnya bagi memastikan kes jangkitan Covid-19 di Darul Quran dapat ditangani dengan baik.



## ZIARAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) KE DQ

16 Januari 2022 - YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad telah meluangkan masa hujung minggu hari ini untuk hadir menziarahi Darul Quran. Ziarah Senator YB Menteri ini atas dua tujuan iaitu menziarahi Tan Mike Foong; pelajar muallaf OKU berbangsa Cina dan yang kedua menziarahi para pelajar DQ yang terkena jangkitan wabak COVID-19.

Senator YB Menteri juga telah mengucapkan terima kasih kepada Pengarah serta pegawai dan pensyarah Darul Quran atas usaha mendidik Mike menjadi seorang hafiz al-Quran. Di samping tindakan proaktif dalam mengawal jangkitan COVID-19 dalam kalangan para pelajar.

Semoga pencapaian Mike ini menjadi motivasi kepada umat Islam Malaysia untuk menghafaz al-Quran.

Sebelum berangkat pulang, YB Menteri telah menyampaikan sumbangan kepada keluarga Tan Mike Foong dan sumbangan Tabung Musa'adah COVID-19 kepada para pelajar yang terkena jangkitan bernilai RM40 ribu.



## SESI PERBINCANGAN DQ-IKMAS

27 Januari 2022 - Delegasi Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) diketuai Pengarah, Ustaz Kamaldin Mohd Damir bersama empat orang pegawai IKMAS telah berkunjung ke Darul Quran untuk berbincang mengenai penyelarasan program tahfiz. IKMAS ketika ini merupakan salah satu daripada 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran yang menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat bagi Syukbah Dakwah.

Fokus perbincangan ini adalah berkaitan dengan pengambilan pelajar baharu seperti penyelarasan dalam pengurusan proses pengambilan, hebahan iklan, sistem permohonan online, hal ehwal pelajar dan sebagainya. Sesi perbincangan hari ini berakhir dengan sesi bergambar.



## PENAZIRAN AKADEMIK DI MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY

27 Januari 2022 - Darul Quran telah mengadakan lawatan Penaziran Akademik bagi pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-MSU di Management & Science University (MSU), Shah Alam. Penaziran ini telah diwakili oleh dua orang pegawai DQ iaitu Ustaz Ahmad Dasuki Hashim, Ketua Jabatan Pengajian Umum dan Ustaz Muhammad Zaki Ab Rahman selaku Ketua Unit Muadalah. Manakala pihak MSU pula diwakili oleh Dr. Tanty Haryanty Tajudin, Manager Centre for Fundamental Studies dan Dr. Basirah Abu Bakar selaku Penyelaras Program Pensijilan Tahfiz.

Penaziran ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan PdP yang dijalankan di MSU adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Untuk rekod, MSU merupakan salah satu IPT yang mengadakan kerjasama dengan DQ dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz bagi model kurikulum Tahfiz Sains.

Sebagai penutup kepada sesi penaziran kali ini pihak DQ telah mengusulkan beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kualiti program.



## **DQ CADANG KERJASAMA DENGAN JAIS BAGI PELAKSANAAN PROGRAM SKM BIDANG PENGURUSAN MASJID TAHAP 3-5**

27 Januari 2022 – Seramai empat orang delegasi Darul Quran diketuai Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti, Ustaz Abdul Halem Hafiz Salihin telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan kerjasama antara pihak DQ dengan pihak JAIS berkenaan pelaksanaan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3-5.

Memandangkan SKM Bidang Pengurusan Masjid ini melibatkan 70%-80% latihan praktikal di masjid-masjid, DQ sejak tahun 2018 lagi telah mula menempatkan perantis Tahap 3-4 di masjid-masjid kelolaan JAIS yang telah ditauliahkan sebagai Syarikat Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk menjalani latihan praktikal.

Hasil daripada perbincangan hari ini, pihak JAIS telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama dan menjalankan program hingga tahap 5 dengan menambahkan lagi jumlah bilangan masjid yang bakal terlibat.



**FEBRUARI 2022**  
**PENAZIRAN AKADEMIK PROGRAM PENSIJILAN JAKIM-UOC**

8 Februari 2022 - Darul Quran telah mengadakan lawatan penaziran akademik bagi Program Pensijilan Tahfiz JAKIM-UoC bertempat di University of Cyberjaya (UoC), Selangor. Penaziran ini diketuai Ustaz Muhammad Zaki Ab Rahman dan Ustaz Abdul Razak Mohd Zain. Sementara delegasi dari DQ ini pula telah disambut oleh Ustazah Nurul Amilin Wajihah dan Ustaz Mohd Aqib Haji Ahmat.

Penaziran Akademik ini bertujuan untuk memantau proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan sepanjang tempoh pengajian bagi sesi Oktober 2021 hingga Februari 2022.

Pertemuan ini diharap dapat memperkasakan hubungan kerjasama antara kedua pihak demi melahirkan huffaz profesional yang berkualiti, bermutu dan berkualiti.



## **PENAZIRAN AKADEMIK KE ATAS INSTITUT PENDIDIKAN GURU (KAMPUS BANGI)**

15 Februari 2022 - Bagi memastikan IPT yang berkolaborasi dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz menepati standard yang telah ditetapkan, maka telah dilaksanakan Penaziran Akademik ke atas Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi (IPG KPI) secara dalam talian.

Skop penaziran adalah berkenaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah dijalankan oleh pihak IPG KPI. Dua orang pegawai DQ yang terlibat sebagai pegawai penazir iaitu Ust. Suhaida Che Samsudin dan Ust. Syarifah Nurolazan Shaikh Ahmad. Manakala IPG diwakili oleh Penyelaras Program iaitu Us. Mohd Fathi' Said dan Dr. Aishah Juri.

Dengan cadangan-cadangan penambahbaikan daripada panel-panel penazir, diharapkan semoga IPG KPI dapat melaksanakan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran dengan lebih baik seterusnya melahirkan graduan huffaz yang cemerlang.



## **PENAZIRAN AKADEMIK PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UTEM**

17 Februari 2022 - Darul Quran telah mengadakan sesi lawatan Penaziran Akademik bagi Program Pensijilan Tahfiz JAKIM-Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian Siswazah UTeM, Melaka. Penaziran yang diadakan secara bersemuka ini telah dihadiri oleh Ustazah Rosliza Abdul Latif, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti dan Ustazah Nor Hayati Ab Lateh, Ketua Unit Jaminan Kualiti.

Lawatan DQ ini telah disambut oleh Prof. Madya Dr. Safiah Sidek, Dekan Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan dan Dr. Radzuan Nordin selaku Pensyarah Kanan, Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan.

Penaziran Akademik ini bertujuan untuk memantau proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan sepanjang pengajian bermula Oktober 2021 hingga Februari 2022 bagi semester dua, empat dan enam.



## **PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UOC SESI FEBRUARI 2022**

22 Februari 2022 - Seramai 24 orang pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UoC Semester Satu dan Lima telah menduduki peperiksaan akhir semester yang bermula pada 21-22 Februari 2022.

Peperiksaan yang berlangsung selama dua hari ini telah diadakan di bilik-bilik kuliah UoC bagi kursus Hifz Al-Quran Syafawi, Tajwid Amali, Tajwid Ilmi dan Hifz Al- Quran Tahiri.

Kolaborasi di antara JAKIM-UoC yang telah diwujudkan bermula tahun 2014 ini adalah bertujuan untuk melahirkan huffaz profesional dalam bidang perubatan agar dapat menyumbang bakti kepada pembangunan negara dan ummah.



## WEBINAR KEKELUARGAAN ISLAM: PERANAN JAIM DALAM MENGURUSKAN KONFLIK RUMAH TANGGA

22 Februari 2022 - Petang ini telah selesai webinar yang membincangkan tentang Peranan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Dalam Menguruskan Konflik Rumah Tangga. Panel jemputan dalam webinar tersebut ialah Ustazah Rohana Harun, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Webinar yang dianjurkan oleh Pelajar Syukbah Semester Empat dengan kerjasama Jabatan Pengajian Umum, Cawangan Akademik Darul Quran ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin.

Antara objektif penganjuran webinar ini ialah untuk memberikan pendedahan dan gambaran kepada peserta program tentang realiti konflik-konflik kekeluargaan yang berlaku di Malaysia. Selain itu juga untuk membuka peluang kepada peserta untuk mempelajari serta memahami segala prosedur dan proses dalam menyelesaikan konflik kekeluargaan secara formal.



## PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-PSA SESI FEBRUARI 202

23 Februari 2022 - Peperiksaan Akhir Semester bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-PSA (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam) telah berjaya dilaksanakan selama dua hari bermula pada 22-23 Februari 2022 yang telah dihadiri seramai 23 orang pelajar Semester Satu, Tiga dan Lima.

Peperiksaan ini telah diadakan di Bilik Kuliah GS1, Jabatan Pengajian Am PSA bagi kursus-kursus Hifz Al-Quran Syafawi, Hifz Al-Quran Tahriri, Tajwid Amali, Tajwid Ilmi dan Adab Hamalah Al-Quran.


Darul Quran JAKIM dan seluruh kepimpinan sentiasa mendoakan kejayaan dan kecemerlangan pelajar-pelajar huffaz profesional dalam bidang Kejuruteraan dan Pengurusan Perniagaan ini sebagai pelapis kepimpinan negara pada suatu hari nanti.



## FORUM KEKELUARGAAN ISLAM: PANDEMIK COVID-19 KESAN TERHADAP INSTITUSI KEKELUARGAAN

27 Februari 2022 - Alhamdulillah baru sahaja selesai forum kekeluargaan Islam yang membincangkan isu kekeluargaan di era pandemik Covid-19. Topik perbincangan ini telah dikupas oleh dua orang ahli panel iaitu Ustaz Norfahmi Mohd Zazli dari Pejabat Agama Daerah Hulu Selangor dan Ustaz Mohd Zulkifli Makhtar dari Darul Quran. Forum yang dianjurkan oleh pelajar Semester Empat Syukbah Dakwah ini telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh.

Antara objektif penganjuran forum ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang realiti kehidupan berkaitan konflik rumah tangga di era pandemik Covid-19 yang melanda dunia khususnya di Malaysia. Selain itu melalui forum ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar memahami peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pendamai dalam menyelesaikan konflik yang berlaku.



## MAC 2022

### **PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IPGKPI SESI FEBRUARI 2022**

1 Mac 2022 - Bermula 28 Februari 2022 hingga 1 Mac 2022 telah diadakan Peperiksaan Akhir Semester bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IPGKPI (Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam), Bangi. Peperiksaan ini telah dilaksanakan selama dua hari bertempat di Dewan Idris Al-Marbawi, IPGKPI. Seramai 12 orang pelajar Semester Dua dan Tiga telah menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus Hifz Al-Quran Syafawi, Hifz Al-Quran Tahriri, Tajwid Amali, Tajwid Ilmi, Tafsir Al-Quran Wa Ulumuhu dan Fiqh Al-Ibadah.

Kerjasama Darul Quran JAKIM dan IPGKPI telah bermula pada tahun 2019 menerusi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran dengan tujuan murni untuk melahirkan graduan huffaz profesional dalam bidang Perguruan yang kompeten, berjiwa pendidik serta berkualiti cemerlang dalam semua bidang ke arah memenuhi aspirasi bersama.


Doa dan harapan kami warga Darul Quran JAKIM semoga pelajar-pelajar IPGKPI dianugerahkan oleh Allah SWT kejayaan yang cemerlang.



## LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ SESI SATU TAHUN 2022

2 Mac 2022 - Darul Quran JAKIM telah mengadakan lawatan penaziran akademik Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat sesi satu tahun 2022 ke 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia. Lawatan ini telah berjaya dilaksanakan mulai 28 Februari 2022 dan berakhir pada 2 Mac 2022.

Antara objektif utama penaziran akademik ini ialah bertujuan memastikan setiap LTDQ yang berkolaborasi dengan Darul Quran JAKIM memenuhi serta mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA).



## PEPERIKSAAN AKHIR PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UTEM SESI FEBRUARI 2022

2 Mac 2022 - Berakhir sudah Peperiksaan Semester bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM yang telah dijadualkan pada 1 dan 2 Mac 2022. Peperiksaan selama dua hari ini telah dilaksanakan di Pusat Pembelajaran Bahasa, UTeM. Seramai 14 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Semester Satu, Tiga dan Lima telah menduduki peperiksaan kali ini bagi kursus-kursus Hifz Al-Quran Syafawi, Hifz Al-Quran Tahriri, Tajwid Amali, Tajwid Ilmi, Adab Hamalah Al-Quran serta Tafsir Al-Quran Wa Ulumuhu.

Seluruh warga Darul Quran JAKIM mendoakan agar pelajar-pelajar UTeM terus istiqamah, berjiwa kental seterusnya dapat menjadi pemangkin dan inspirasi kepada pelajar-pelajar lain agar lebih ramai lagi graduan huffaz yang memiliki kepakaran dapat dilahirkan khususnya dalam bidang-bidang teknikal.



## PEPERIKSAAN AKHIR PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ AL-QURAN SESI FEBRUARI 2022

4 Mac 2022 - Seorang pelajar daripada kategori OKU penglihatan, manakala tiga orang pelajar lagi merupakan etnik pribumi Sabah dan Sarawak telah menduduki Peperiksaan Semester Akhir bagi Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran yang telah dilaksanakan pada 3 dan 4 Mac 2022 bertempat di Bilik Kuliah Sijil Asas Tahfiz. Pelajar-pelajar ini telah menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus Hifz Al-Quran Syafawi, Hifz Al-Quran Tahriri, Tajwid Amali, Bahasa Arab dan Tafsir Al-Quran.

Doa dan harapan kami khususnya daripada warga pendidik Darul Quran agar para pelajar tidak berputus asa dalam menempa kejayaan kerana penentu kejayaan adalah usaha yang gigih berserta doa dan tawakkal kepada Allah SWT.



## **MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT DARUL QURAN JAKIM SESI 2019-2022**

5 Mac 2022 - Seramai 232 orang pelajar Semester Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah menerima Sijil Khatam Hafazan Al-Quran dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Program Diploma Darul Quran Sesi 2019-2022 yang telah berlangsung sebentar tadi. Majlis Khatam Hafazan ini juga telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) serta turut dihadiri bersama Dato' Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM dan Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh, Pengarah Darul Quran.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar-pelajar banin dengan dipimpin oleh Pensyarah Tasmi' Darul Quran iaitu Ustaz Mohd Faisal bin Mohd Fauzi. Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada wakil pelajar, ucapan aluan oleh Dato' Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) serta ucapan perasmian daripada YB Datuk Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Beliau yang dalam ucapan perasmianya telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran kerana berjaya mengekalkan tradisi dengan penganjuran majlis khatam ini. Majlis yang bersejarah ini diadakan sebagai pengiktirafan Darul Quran kepada para pelajar yang telah bertungkus lumus mangkhatamkan hafazan 30 juzu'. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah serta menyatakan harapan kepada pelajar-pelajar yang diraikan dalam majlis ini agar menghargai kesungguhan mereka dalam menamatkan hafazan dengan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan hafazan 30 juzu' mereka.





## MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BAHARU PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ SESI 2022

7 Mac 2022 - Majlis Sambutan Pelajar baharu Program Sijil Asas Tahfiz (SAT) telah diadakan di Dewan Auditorium Darul Quran pada pagi ini dengan suasana yang ceria dan santai. Seramai enam orang pelajar yang telah mendaftar sebagai pelajar baharu Program SAT bagi sesi pengajian kali ini. Empat orang daripadanya adalah daripada kategori pribumi Sabah manakala dua orang lagi adalah daripada kategori OKU penglihatan. Mereka telah berjaya mendaftarkan diri di Darul Quran setelah berjaya dalam proses temu duga yang telah berlangsung pada 21 Januari 2022 yang lalu.

Majlis juga diserikan dengan sedikit perkongsian dan kata-kata semangat yang telah disampaikan oleh saudara Tan Mike Foong, pelajar Semester Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat merangkap graduan Program Sijil Asas Tahfiz Sesi 2018 bagi kategori muallaf serta OKU penglihatan. Majlis sambutan pelajar baharu ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin yang mewakili Pengarah.

Program Sijil Asas Tahfiz ini merupakan penjemajaan semula kepada Program Pensijilan Tahfiz OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan) yang telah dijalankan sejak tahun 2008. Bermula pada tahun 2017, program ini telah dikembangkan kepada beberapa kategori pelajar khas yang lain seperti kategori OKU penglihatan, muallaf, orang asli, etnik pribumi Sabah atau Sarawak dan pelajar luar negara minoriti Muslim.

Pelajar-pelajar Program SAT diwajibkan untuk menghafaz al-Quran juzuk 1 hingga juzuk 10 di samping subjek-subjek yang lain dalam tempoh pengajian selama 12 bulan (2 semester).



## **LAWATAN PENTAULIAHAN SLDN BAGI PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN KEMAHIRAN MALAYSIA (DLKM) TAHAP 5 BIDANG PENGURUSAN MASJID**

16 Mac 2022 - Darul Quran telah menerima lawatan dari Bahagian Pentauliahahan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Bahagian Sumber Manusia bagi memenuhi syarat untuk member kelulusan menjalankan program DLKM kepada Darul Quran JAKIM. Pihak JPK telah dihadiri oleh Cik Farwahida Ibrahim, Pegawai Lantikan JPK dan Dai Mohd Hazman Yani Ahmad selaku Panel Pakar JPK.

Lawatan telah dimulai dengan taklimat ringkas dari Pegawai Lantikan JPK, pembentangan proposal kertas projek akhir DKM, pengenalan bersama Coach & Trainer, pemantau kemudahan yang disediakan, semakan bahan rujukan pembelajaran dan kesimpulan serta syor dari Panel Pakar JPK.

Semoga pihak Darul Quran mendapat pentauliahahan bagi melaksanakan program DKM ini.



## LAWATAN PENANDA ARAS IPDAS KAMPUS KUDAT KE DQ

17 Mac 2022 - Sejurus sehari selepas Majlis Pelancaran Tahfiz TVET Malaysia yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim pada 16 Mac 2022, Darul Quran telah menerima kunjungan tiga orang pegawai Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat. Lawatan penanda aras ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan pendedahan mengenai pelaksanaan program (Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) di Darul Quran memandangkan Darul Quran telah melaksanakan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sejak tahun 2015.

Bagi merealisasikan hasrat delegasi pelawat, Ustazah Suhaida Che Samsudin selaku Ketua Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran telah menyampaikan taklimat berkenaan pelaksanaan Program SKM di Darul Quran kepada pihak IPDAS.

Selepas berbincang dan bertukar pandangan selama hampir satu jam 30 minit, maka selesailah sesi lawatan pada kali ini. Pertemuan ini berakhir dengan sesi bergambar.



**APRIL 2022**

**PEPERIKSAAN PROGRAM DIPLOMA SESI MAC 2022 BERAKHIR**

4 April 2022 - Seramai 1,438 orang pelajar semester Dua, Empat dan Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah menduduki Peperiksaan Akhir Semester yang telah berakhir pada hari ini. Peperiksaan yang berlangsung selama dua minggu ini telah diadakan di kampus Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu dan 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) di seluruh Malaysia.

Bagi peperiksaan Program Diploma sesi Mac 2022 ini, sebanyak 40 kursus keseluruhan yang perlu diduduki oleh para pelajar manakala seramai 62 orang panel dan pegawai pemantau yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Darul Quran telah terlibat dalam sesi peperiksaan ini. Semoga semua pelajar yang menduduki peperiksaan sama ada di Darul Quran mahupun di LTDQ beroleh kejayaan yang cemerlang.



## KURSUS KOMPETENSI JURUAUDIT DALAMAN SIRIM TAHUN 2022

7 April 2022 - Kursus Kompetensi Juruaudit Dalaman ISO 9001:2015 & MS 1900:2014 Darul Quran Tahun 2022 telah berlangsung selama tiga hari bermula dari 5 April 2022. Kursus yang diadakan di Dewan Perpustakaan Darul Quran ini telah melibatkan seramai 32 orang kakitangan Darul Quran dari pelbagai unit.

Dalam kursus ini, para peserta telah dipandu oleh penceramah jemputan iaitu Puan Suhaini Hassan dari Mercuri Inovasi Training & Consulting. Antara pengisian sepanjang kursus berlangsung adalah pemahaman klausa-klause berkaitan sistem audit, praktis pemahaman klausa syariah dan manual kualiti. Puan Suhaini juga turut membantu Darul Quran dalam melakukan semakan prosedur kerja, senarai semak serta kaedah pendekatan audit.



## PERBINCANGAN SISTEM E-KAMPUS 2.0

12 April 2022 - Bagi memperkasakan sistem e-kampus Darul Quran yang sedia ada sekarang, Unit ICT Darul Quran telah mengadakan suatu perbincangan berkenaan penambahan modul pembangunan sistem e-kampus versi 2.0. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Pendaftar Darul Quran, Encik Azizuddin Mohd Hashim yang mewakili Pengarah.

Turut hadir ialah Encik Mohd Khairulnizam Rosly dan Puan Zatun Najahah Dato' Mohd Sabri dari Bahagian Pengurusan Maklumat JAKIM. Pegawai-pegawai Darul Quran yang berkenaan telah membentangkan modul berkaitan unit masing-masing untuk dijana dalam sistem e-kampus versi 2.0 nanti. Disasarkan sistem e-kampus yang baharu ini dapat digunakan pada tahun 2024. Semoga semuanya berjalan lancar.



## **MESYUARAT AJK PEMURNIAN MODUL MINGGU HALUAN HUFFAZ DARUL QURAN JAKIM**

13 April 2022 - Sebagai persediaan menjelang kemasukan pelajar baharu bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM dan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat pada bulan Mei serta Julai 2022, Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran telah mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pemurnian Modul Minggu Haluan Huffaz Darul Quran JAKIM. Mesyuarat ini merupakan perbincangan awal berkenaan draf modul ToT bagi program Minggu Haluan Huffaz Tahun 2022 sebelum dimuktamadkan dalam bengkel yang dijadualkan untuk diadakan pada 27-29 April 2022 nanti.

Turut dibincangkan dalam mesyuarat ini ialah berkenaan isu dan keperluan pembinaan modul serta analisa perbandingan slot-slot aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) Modul TRANSKEM (Transformasi Kecemerlangan Minda) dari tahun 2016-2020.



## BENKEL SEMAKAN TITIK KAWALAN SYARIAH DQ

14 April 2022 - Bengkel Titik Kawalan Syariah MS1900:2014 Darul Quran 2022 telah berlangsung selama tiga hari bermula dari 12 April 2022. Bengkel ini diadakan berpusat di Dewan Perpustakaan dengan penyertaan seramai 20 orang terdiri daripada panel Syariah DQ serta wakil-wakil setiap cawangan dan unit.

Kursus semakan dan penelitian kawalan syariah DQ ini dipandu oleh panel penceramah jemputan iaitu Puan Suhaini Hassan dari Mercuri Inovasi Training & Consulting. Pengisian utama bengkel ini menumpukan terhadap isu-isu kritikal syariah di DQ dan pindaan nota-nota audit syariah agar bersesuaian dengan isu-isu semasa syariah di DQ.

Adalah diharapkan melalui bengkel ini dapat membantu Panel-Panel Syariah DQ untuk lebih memahami isu kritikal syariah serta panduan rujukan-rujukan berteraskan nilai syura, telus dan itqan.



## MAJLIS IFTAR PERDANA DQ 1443H

21 April 2022 - Sempena Ramadan al-Mubarak tahun ini, Pusat Islam Darul Quran telah mengadakan Majlis Iftar Perdana 1443H kepada warga Darul Quran. Majlis yang dihadiri oleh kakitangan dan para pelajar ini dirasmikan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh.

Agenda majlis ini dimulakan dengan Ceramah Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Fakrurrazi Abdullah, Pensyarah Jabatan Pengajian Umum. Disusuli dengan Majlis Khatam Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan oleh pelajar-pelajar Darul Quran.

Biarpun majlis pada petang ini diadakan secara santai dan sederhana, diharapkan ianya dapat menjadi satu medium untuk merapatkan lagi tali persaudaraan dan mewujudkan semangat kekeluargaan dalam kalangan warga Darul Quran.



## MIKE PERDENGAR BACAAN AL-QURAN DI HADAPAN SULTAN SELANGOR

25 April 2022 – Tan Mike Foong, pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat, Darul Quran JAKIM telah menerima jemputan dari Yayasan Restu untuk memperdengarkan bacaan al-Quran al-Karim dalam Majlis Pelancaran Al-Quran Al-Karim Dan Terjemahan Bahasa Cina. DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj telah berkenan merasmikan majlis yang diadakan di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor Shah Alam ini.

Tan Mike Foong yang merupakan seorang muallaf serta OKU penglihatan telah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Hujurat ayat 13 hingga 18. Turut hadir dalam majlis ini ialah Orang-Orang Besar Daerah Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.



## SESI TEMU DUGA PELAJAR BAHARU PROGRAM PENSIJILAN JAKIM-IIUM BERJALAN LANCAR

26 April 2022 – Seramai 12 orang panel temu duga dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bersama 12 orang panel dari Darul Quran telah menemu duga 82 orang calon bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2022-2023. Sesi temu duga ini telah diadakan secara hibrid iaitu secara bersemuka di Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu bagi calon-calon dari Semenanjung serta secara dalam talian bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak.

Setiap calon perlu melalui dua fasa dalam sesi temu duga ini iaitu temu duga akademik bersama pihak UIAM dan ujian hafazan al-Quran bersama pihak Darul Quran. Antara aspek yang dinilai untuk kemasukan ke program ini selain kelayakan SPM tahun semasa ialah syarat bumiputera, tahap kesihatan, lulus sesi temuduga dan lain-lain. Selain itu, setiap pemohon juga perlu memilih UIAM sebagai pilihan utama melalui UPUOnline sebagai prasyarat kelayakan.



## **BENGKEL MODUL MINGGU HALUAN HUFFAZ DAN LATIHAN TOT FASILITATOR DQ**

27 April 2022 - Biarpun tinggal beberapa hari sahaja lagi sebelum menjelangnya Aidilfitri, para pegawai Darul Quran tetap bersemangat untuk mengikuti Bengkel Modul Minggu Haluan Huffaz dan Latihan ToT Fasilitator Darul Quran Tahun 2022. Ini kerana kursus ini merupakan persediaan dalam menyambut pelajar-pelajar baharu yang akan mendaftar pada bulan Mei dan Jun nanti.

Kursus ini diadakan selama tiga hari bermula 27 hingga 29 April 2022 bertempat di Hotel Premiera Kuala Lumpur. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimie telah merasmikan kursus ini. Seramai 28 orang pegawai dan kakitangan Darul Quran telah dipilih untuk menyertai kursus ini seterusnya bakal dilantik sebagai fasilitator yang akan mengendalikan Minggu Haluan Huffaz bagi pelajar-pelajar baharu nanti.

Kesemua bakal fasilitator Darul Quran ini pula diberikan tunjuk ajar oleh penceramah-penceramah yang dilantik dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Semoga semua ilmu yang diperolehi melalui kursus ini dapat diterjemahkan dalam Minggu Haluan Huffaz nanti.




## JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DQ BERSIDANG HARI INI

28 April 2022 – Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) Darul Quran telah bersidang untuk kali pertama tahun ini bagi mempertimbang dan memperakukan 11 kertas cadangan serta makluman. Mesyuarat yang diadakan secara dalam talian ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimie dengan Pengarah Darul Quran bertindak selaku Setiausaha.

Dalam ucapan aluannya beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli JKPA kerana memberikan komitmen yang tinggi kepada Darul Quran serta sudi berkongsi idea-idea yang baik setiap kali mesyuarat diadakan.

Dalam ucapannya juga Pengerusi telah memaklumkan bahawa jumlah terkini pelajar yang sedang mengikuti program pengajian Darul Quran JAKIM sehingga 1 April 2022 berjumlah seramai 1,819 orang iaitu 841 orang di kampus Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bahru, 738 orang di Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia dan 240 orang di tujuh Institusi Pengajian Tinggi yang berkolaborasi dengan Darul Quran iaitu di UNITEN, UoC, UTeM, MSU, Politeknik Shah Alam, IPG Bangi dan Politeknik Behrang.




## SESI KULIAH KURSUS PENSIJILAN PDP BERSAMA UPSI BERAKHIR

28 April 2022 – Setelah 18 hari berlalu bermula pada 11 hingga 28 April 2022, akhirnya para peserta Kursus Pensijilan Pembelajaran dan Pengajaran bagi Pensyarah Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) tahun 2022 telah hampir sampai ke penghujung. Kursus yang dilaksanakan secara dalam talian ini merupakan kerjasama antara Darul Quran dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Para peserta kursus pula terdiri daripada pensyarah-pensyarah Darul Quran dan LTDQ yang bertujuan meningkatkan kompetensi serta kemahiran dalam aspek pembelajaran dan pengajaran.

Antara pengisian kursus adalah berkaitan profesionalisme ahli akademik, reka bentuk kurikulum, tips untuk memahami pelajar sama ada dalam pembelajaran umum dan pendidikan tahfiz serta pelbagai lagi sesi yang dapat meningkatkan kemahiran para pensyarah. Sesi yang terakhir bersama dengan Prof. Madya. Ts. Dr. Balamuralithara a/l Balakrishnan yang membincangkan berkenaan penerapan kemahiran aras tinggi dalam pengajaran dan aktiviti dalam pembelajaran.

Namun kursus ini tidak berakhir secara total di sini. Dalam taklimat penutup yang disampaikan oleh Encik Syed Nurshairazi Syed Ramli (urusetia UPSI), setiap peserta diwajibkan juga untuk menyiapkan tugas yang disediakan oleh UPSI dan perlu diserahkan dalam masa dua bulan lagi. Selain itu, setiap peserta juga perlu melalui sesi pencerapan yang akan dipantau oleh para pensyarah UPSI pada bulan Julai nanti.



**MEI 2022**

### **KUNJUNG HORMAT KE MARSAH**

17 Mei 2022 - Darul Quran JAKIM telah mengadakan kunjungan hormat ke Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) bertempat di kampus MARSAH Larkin, Johor Bharu. Delegasi DQ ini telah diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin, Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti bersama empat orang pegawai yang lain.

Sementara rombongan DQ telah disambut oleh Rektor MARSAH, Prof. Madya Dr. Hussin Salamon, Pendaftar, Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Program MARSAH.

Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan garis panduan mewujudkan hubungan kerjasama akademik dengan WISE University, Jordan. Selain itu, pertemuan ini juga turut membincangkan kerjasama antara DQ dengan MARSAH.

Semoga pertemuan ini dapat merapatkan hubungan antara kedua belah pihak seterusnya memperkasakan lagi program tahfiz di Malaysia.



## DQ TERIMA PENSYARAH QIRAAT DARI MESIR

18 Mei 2022 - Darul Quran telah menerima khidmat pakar yang akan menyumbang bakti ilmu Qiraat dari Mesir iaitu Fadhilah al-Syeikh Hossam Hasan Mohamed ElMihy. Beliau berasal dari Tanta, Mesir.

Beliau merupakan salah seorang Pensyarah bidang Qiraat yang dihantar oleh Wizarah al-Auqaf, Mesir. Keseluruhan lima orang pensyarah telah dihantar bagi membantu ketiga-tiga Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di bawah JAKIM iaitu Darul Quran, IPDAS dan IKMAS. Beliau akan berada di Malaysia selama tiga tahun.

Semoga keberadaan Syeikh Hossam di Darul Quran selama tiga tahun ini dapat meningkatkan lagi penguasaan ilmu khususnya berkaitan bidang al-Quran dan al-Qiraat dalam kalangan para pelajar.



## SEMAKAN MOA PROGRAM IJAZAH USIM-DQ

20 Mei 2022 - Mesyuarat Semakan Perjanjian Kerjasama Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah dengan Keputjian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Darul Quran telah diadakan bersama pihak Fakulti Pengajian Quran & Sunnah USIM. Ia bagi meneliti semula draf perjanjian yang telah dibuat, sebelum dokumen ini dimuktamadkan dan ditandatangani.

Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Hadir bersama adalah Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin, Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah selaku ketua rombongan daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM. Dokumen perjanjian ini dijangka akan ditandatangani pada Julai 2022 sebelum sesi pengambilan pelajar pada September 2022.

Semoga usaha murni kedua-dua pihak dalam memastikan kelangsungan program kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan baik serta harmoni seterusnya mendapat ganjaran daripada Allah SWT.



## PELAJAR BAHARU PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM SELAMAT MENDAFTAR

23 Mei 2022 - Seramai 61 orang pelajar baharu telah selamat mendaftar dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2022-2023 yang diadakan di Dewan Mukhtamar pada pagi ini. Berdasarkan jumlah tersebut seramai 38 orang pelajar lelaki dan 23 orang pula adalah pelajar perempuan. Pada pengambilan bagi sesi kali ini, Darul Quran telah menerima sebanyak 550 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 118 orang calon layak dipanggil temu duga. Namun hanya 84 orang calon sahaja yang telah menyertai sesi temu duga yang diadakan pada akhir bulan April yang lalu.

Majlis sambutan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Turut hadir menyertai bersama majlis ini ialah Prof. Madya Dr. Haslina Hassan, Pengarah Bahagian Pengurusan Akademik & Kemasukan Pelajar (AMAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Encik Murshid bin Kassim, Dekan Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Kampus Kuantan serta pegawai-pegawai yang lain.

Tahniah dan syabas diucapkan. Semoga anak-anak pelajar baharu Darul Quran memanfaatkan peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya di dunia dan juga akhirat.



## LAWATAN MAHABBAH MAIK

23 Mei 2022 - Dari Pantai Timur ke Pantai Barat. Dari Kelantan ke Kuala Kubu Bharu. Pagi ini Darul Quran sangat berbesar hati menerima kunjungan dan lawatan mahabbah dari Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Antara tujuan lawatan ini ialah bagi mendapatkan maklumat tambahan tentang pelaksanaan program kemahiran SLDN di Darul Quran.

Delegasi pelawat telah diketuai oleh Ketua Pegawai Agama MAIK, Ustaz Haji Murtadha bin Abdullah serta tiga orang pegawai MAIK yang lain. Sementara delegasi MAIK ini telah diraikan dalam majlis secara santai oleh pegawai dan pensyarah Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran, diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengajian Am, Haji Othman bin Muda yang mewakili Pengarah.

Semoga lawatan dan kunjungan mahabbah ini dapat lagi memperkukuhkan jaringan kerjasama terutamanya dalam Pendidikan Tahfiz di Malaysia.



## DQ DAN 10 LOKASI TAMBAHAN DQ BERSIDANG DI MELAKA

25 Mei 2022 - Persidangan Pengetua–Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan Kali ke-40 telah diadakan pada 23 Mei 2022 hingga 25 Mei 2022 bertempat di Hatten Hotel, Bandar Hilir Melaka. Penganjuran persidangan bagi kali ini adalah merupakan kerjasama antara Darul Quran JAKIM dengan Kolej Al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA) Melaka.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Rais bin Dattuk Wira Yasin, Exco Pendidikan & Teknologi mewakili YAB Ketua Menteri Melaka. Turut serta pada majlis perasmian tersebut YBhg. Datuk Wira Hj. Md. Rawi bin Mahmud, Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka, YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM, YBhg. Dato' Che Shukri bin Che Mat, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka, Ustaz Muhammad Kori bin Jusoh, Pengarah Darul Quran dan dif-dif kehormat.

Persidangan yang diadakan dua kali setahun ini adalah satu forum rasmi antara Darul Quran dan Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (Lokasi Tambahan DQ) yang berkolaborasi dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Objektif persidangan ini antaranya untuk menyampaikan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Darul Quran selain menyelaras aktiviti akademik, penaziran dan juga peperiksaan. Selain itu ruang ini juga merupakan platform untuk saling menyampaikan pandangan dan cadangan, merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara Darul Quran serta Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah atau pelajar.

Dengan berakhirnya persidangan kali ini diharapkan semoga segala keputusan yang diputuskan oleh pihak DQ serta Lokasi Tambahan DQ dapat meningkatkan lagi kualiti pelaksanaan program pengajian khususnya berkaitan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.





## **MAJLIS PERHIMPUNAN & SAMBUTAN AIDILFITRI DARUL QURAN**

27 Mei 2022 – Mengambil kesempatan Syawal yang masih berbaki sekitar tiga hari lagi, Darul Quran telah mengadakan Sambutan Aidilfitri bagi tahun 2022 di Dewan Muktamar Darul Quran melibatkan pegawai, kakitangan tetap dan kontrak, para pelajar Darul Quran serta wakil agensi sekitar Hulu Selangor. Sambutan Aidilfitri kali ini diadakan bersekali dengan Majlis Perhimpunan Pegawai serta Majlis Penutup Minggu Haluan Huffaz Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2022-2023.

Pengarah, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh dalam ucapannya menyeru kepada para hadirin agar menghayati makna syukur atas sekian banyak nikmat yang Allah SWT kurniakan dalam kehidupan khususnya selaku penjawat awam dengan melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sepenuh komitmen. Pengarah juga menyeru kepada warga Darul Quran untuk menjadikan Syawal pada tahun ini sebagai bulan ukhawah untuk melupakan segala persengketaan sesama warga.

Sebanyak lapan reruai makanan yang disediakan oleh setiap cawangan Darul Quran, syarikat penyelenggaraan dan kebersihan serta Koperasi DQ. Antara menu yang dihidangkan ialah nasi minyak, kambing bakar, sate, lemak, rendang, aneka mi dan kuih muih serta aneka minuman.

Antara agenda dalam majlis ini juga ialah tayangan video rangkuman aktiviti DQ dan Taklimat Sistem Pengurusan Kualiti Syariah MS 1900:2014 yang disampaikan oleh Ustazah Yusida binti Yusof, Ketua Jabatan Tahfiz Darul Quran merangkap Ketua Jawatankuasa Syariah MS 1900:2014.





## **59 ORANG PELAJAR BAHARU PROGRAM PENSIJILAN JAKIM-IIUM TERLIBAT MINGGU HALUAN HUFFAZ**

27 Mei 2022 - Menjadi kelaziman bagi mana-mana institusi pengajian untuk mengadakan minggu orientasi kepada pelajar-pelajar yang baru mendaftar, tidak terkecuali Darul Quran. Seramai 59 orang pelajar baharu terdiri daripada 36 orang pelajar banin (lelaki) dan 23 orang pelajar banat (perempuan) telah terlibat dalam Minggu Haluan Huffaz yang diadakan pada 23 hingga 27 Mei 2022. Program yang diadakan selama lima hari ini telah diadakan di kompleks Darul Quran dan kawasan sekitar Kuala Kubu Bharu.

Pihak urus setia Minggu Haluan Huffaz 2022 telah menggariskan empat objektif utama program tahun ini iaitu:

- Memupuk rasa sayang kepada institusi Darul Quran serta hormat kepada warga Darul Quran dan sifat ukhuwah sesama pelajar;
- Membina ketahanan dan kekuatan untuk menghafal al-Quran (fizikal dan mental);
- Membentuk sahsiah diri pelajar sebagai huffaz yang terpilih sebagai hamalatul Quran; dan
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri (jati diri) bagi melayakkan diri menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam Minggu Haluan Huffaz pada tahun ini ialah slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK), aktiviti luar seperti Explorace serta Kembara dan lain-lain lagi. Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh dalam majlis yang diadakan bersekali dengan Majlis Perhimpunan dan Sambutan Aidilfitri Darul Quran Tahun 2022.





## PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UNITEN SESI MEI 2022 BERAKHIR

31 Mei 2022 - Peperiksaan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN sesi Mei 2022 telah dilaksanakan pada 30 hingga 31 Mei 2022. Seramai 150 orang pelajar semester dua dan lima telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan tersebut.

Peperiksaan yang berlangsung selama dua hari ini telah diadakan di bilik-bilik Kuliah Bangunan College of Energy Economics dan di Dewan Peperiksaan, Perpustakaan UNITEN.

Cawangan Akademik Darul Quran JAKIM telah melantik seramai 15 orang panel bagi kursus Hifz Al-Quran Syafawi manakala dua orang petugas sebagai pengawas peperiksaan bagi kursus-kursus bertulis untuk memastikan kelancaran pengurusan di pusat peperiksaan.

Semoga pelajar-pelajar yang telah menduduki peperiksaan beroleh kejayaan yang cemerlang.



## JUN 2022

### **SESI TEMU DUGA PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA DQ BERAKHIR**

2 Jun 2022 – Calon-calun pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM telah selesai menghadiri sesi temu duga yang diadakan pada 30 Mei 2022 sehingga 2 Jun 2022. Calon-calun ini ditemu duga bagi mengisi kuota kemasukan pelajar semester satu yang akan mendaftar bagi sesi pengajian 2022-2025.

Sesi temu duga kali ini dijalankan secara hibrid di empat zon seluruh Malaysia iaitu di INTAN Wilayah Utara bagi Zon Utara, kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu bagi Zon Tengah, Masjid Al-Azim Melaka bagi Zon Selatan, ILIM Kampus Besut bagi Zon Timur dan secara dalam talian bagi calon-calun dari Sabah serta Sarawak.

Antara aspek yang dinilai untuk kemasukan ke program ini selain kelayakan SPM ialah syarat umur, tahap kesihatan, lulus ujian bertulis Bahasa Arab dan Tajwid serta lulus sesi temu duga. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua calon yang telah menghadiri sesi temu duga pada kali ini. Semoga kita bertemu lagi di Darul Quran.



## 110 HUFFAZ DUDUKI PEPERIKSAAN STM SIRI 1/2022

2 Jun 2022 – Seramai 110 orang peserta yang layak dari seluruh Malaysia telah hadir bagi menjalani Peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia Siri 1/2022. Ujian yang telah dijalankan bermula 8.45 pagi sehingga jam 5.30 petang ini telah diadakan di kampus Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu.

Ujian penilaian STM ini mengandungi beberapa komponen subjek iaitu:

- i. Hifz Al-Quran 30 Juzu' Syafawi (lisan);
- ii. Hifz Al-Quran 30 Juzu' Tahriri (bertulis); dan
- iii. Pengetahuan Agama Islam.

Syarat kelayakan permohonan bagi menduduki ujian penilaian STM adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 17 tahun dan ke atas;
- iii. Telah menghafaz 30 juzuk al-Quran; dan
- iv. Mengemukakan surat pengesahan/rekod hafazan 30 juzuk dari institusi atau guru tasmi'.

STM diperkenalkan bagi memperakukan hafazan 30 juzuk al-Quran khususnya kepada penghafaz al-Quran yang tidak memperolehi pengiktirafan dari mana-mana institusi. Ketika ini, STM diterima pakai sebagai salah satu dokumen sokongan bagi permohonan Guru Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang ditawarkan oleh JAKIM bagi penerima STM Pangkat Mumtaz.



## LAWATAN SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN JPM KE TAPAK BANGUNAN BAHARU DQ

9 Jun 2022 - Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Jazmanie Shafawi telah mengadakan lawatan tapak bagi meninjau kemajuan kerja di tapak Projek Pembangunan Fasa Tiga Darul Quran. Projek ini meliputi pembangunan satu blok akademik dan dua blok asrama pelajar Darul Quran.

Turut hadir dalam lawatan tersebut adalah pegawai-pegawai kanan JPM dan JAKIM diiringi oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Secara keseluruhannya, Yang Berbahagia Datuk berpuas hati dengan kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor Kelola Handal Sdn. Bhd. Pihak JPM akan sentiasa memantau projek tersebut sehingga sempurna.

Bangunan-bangunan baru ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024. Penambahan blok-blok akademik serta asrama ini akan dapat menambahkan lagi jumlah pengambilan pelajar Darul Quran yang ketika ini mencecah ribuan permohonan saban tahun.



## FORUM PERDANA EHWAL ISLAM BERSIARAN DARI DQ

9 Jun 2022 - Sempena Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1443H/2022M, Forum Perdana Ehwal Islam telah bersiaran secara langsung dari Dewan Mukhtar Darul Quran JAKIM. Sesuai dengan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 12-17 Jun 2022 di Johor Bahru, forum pada malam ini membahaskan tajuk "Kalam Yang Satu".

Forum ini juga menampilkan barisan panel yang mantap seperti Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah, Rektor/Ketua Eksekutif Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Tuan Haji Mohd Nasri bin Rahman, Kadi Daerah Batu Pahat. Di samping Personaliti Undangan Ustazah Sharifah Khasif Fadzillah Syed Badiuzzaman, Johan Qariah Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 2009, co-host PU Amin dan Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud selaku moderator.

Turut hadir menonton secara langsung, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Yang Di Muliakan Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh, ketua-ketua dan wakil agensi sekitar Hulu Selangor serta kakitangan Darul Quran.

Pihak penganjur juga mengambil kesempatan mengadakan rakaman forum bertajuk "Viral Berpahala" pada waktu petang di lokasi yang sama.





## **MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) DARUL QURAN SESI 2022**

15 Jun 2022 - Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Darul Quran sesi 2022 telah dijalankan pada 14 hingga 15 Jun 2022 bertempat di Dewan Syura. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti, Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin yang mewakili Pengarah. Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari ini telah menyentuh pelbagai aspek seperti objektif kualiti, kajian kepuasan pelanggan dan beberapa perkara lagi berkaitan pengurusan pentadbiran.

Rumusan keseluruhan mesyuarat akan digunakan sebagai rujukan kepada Mesyuarat Pengurusan Darul Quran dan audit SIRIM yang dijangkakan akan berlangsung pada 15 hingga 17 Ogos 2022. Dengan semua proses yang dilaksanakan ini diharapkan akan terus dapat mengekalkan Darul Quran sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan yang berkualiti.



## KUNJUNGAN HORMAT KIAS KE DQ

15 Jun 2022 - Dua orang pegawai Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Ustaz Md Saifullah bin Nik Abdullah, Pensyarah Jabatan al-Quran & Hadis merangkap Setiausaha Jawatankuasa Penubuhan Pusat Bertauliah TVET serta Ustaz Wan Ahmad Ikmal bin Wan Mohamed Adnan selaku Ketua Pusat Ko-Kurikulum telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran. Tujuan kunjungan ini diadakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) atau Program TVET yang dijalankan di Darul Quran.

Bagi merealisasikan hasrat pelawat, Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran selaku urus setia bagi Program SKM di Darul Quran telah menyantuni delegasi dari KIAS dengan perkongsian-perkongsian maklumat hasil daripada pengalaman Darul Quran dalam menjalankan Program SKM. Sesi perbincangan yang telah berlangsung selama hampir dua jam ini diharapkan dapat memberikan input berguna kepada pihak pelawat khususnya.



## BENKEL TEKNIKAL IHTIFAL HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN

16 Jun 2022 - Bengkel Teknikal Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-8 telah berjaya dilaksanakan secara hibrid antara pegawai-pegawai Darul Quran dan Lokasi-Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).

Kehadiran ahli secara bersemuka diadakan di Dewan Perpustakaan Darul Quran melibatkan pegawai-pegawai Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK, Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR), Institut Pengajian Islam Kemaman (INSPI), Maahad Tahfiz Negeri Pahang, Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN), Maahad Tahfiz Al-Quran ADDIN dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak. Sementara pegawai-pegawai Kolej Al-Quran Sayyidina Ali Melaka (KAQSA) dan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) terlibat secara dalam talian.



## LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK DI IPG BANGI

21 Jun 2022 - Darul Quran telah mengadakan lawatan Penaziran Akademik bagi pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM ke Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) Bangi, Selangor. Lawatan penaziran ini telah dihadiri oleh dua orang pegawai Darul Quran iaitu Ustaz Ahmad Azrul bin Mohamad Tahir dan Ustaz Mohd Karmizi bin Jusoh. Sementara rombongan DQ telah disambut oleh Pengarah IPG Bangi, Dr. Abdul Rahman bin Abdullah, Dr. Paharuddin bin Arbain, Ketua Jabatan dan Ustaz Mohd Fathi bin Said selaku Penyelaras Program.

Penaziran akademik ini bertujuan untuk memantau proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan sepanjang pengajian bagi sesi Mac - Jun 2022. Ianya merupakan aktiviti rutin Darul Quran pada setiap semester bagi memastikan semua institusi-institusi yang bekerjasama dengan Darul Quran mencapai standard yang telah ditetapkan.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DARUL QURAN BIL.2/2022

22 Jun 2022 - Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) Darul Quran JAKIM telah bersidang hari ini di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee. Sebanyak empat kertas cadangan dan satu kertas makluman telah dibincang dan diperakukan dalam mesyuarat ini.

Tiga daripada lima kertas yang telah mendapat perakuan Mesyuarat JKPA ini akan dibawa ke peringkat seterusnya yang lebih tinggi untuk disahkan iaitu Mesyuarat Lembaga Darul Quran. Tiga kertas tersebut ialah:

- Kertas Cadangan Perakuan Bergraduat dan Tamat Pengajian Bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dan Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran, Program Sijil Asas Tahfiz dan Program Diploma Kemahiran Malaysia Tahun 2022;
- Kertas Cadangan Perakuan Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Darul Quran JAKIM Tahun 2022; dan
- Kertas Makluman Pelaksanaan Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM ke 30 tahun 2022.

•  
Mesyuarat Lembaga Darul Quran Bil.39 dijangka akan bersidang pada 6 Julai 2022.



## BENGGEL BACAAN QIRAAT JAMAK TAHUN 2022

24 Jun 2022 - Bagi memaksimumkan manfaat keberadaan tiga tahun Fadhilah al-Syeikh Hossam Hasan Mohamed ElMihiy, pensyarah bidang Qiraat yang dihantar oleh Wizarah al-Auqaf Mesir ke Malaysia, Darul Quran telah menganjurkan Bengkel Bacaan Qiraat Jamak Tahun 2022. Bengkel yang diadakan di Mardhiyyah Hotel & Suites Shah Alam ini telah disertai oleh pensyarah-pensyarah Qiraat dari Darul Quran serta Lokasi-Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia.

Bengkel ini telah diadakan selama tiga hari bermula 22 hingga 24 Jun 2022. Pengisian sepenuhnya disampaikan oleh Syeikh Hossam bermula dengan Syarah Usul dan Manhaj Qurra' dalam 'Asyarah Sughra. Diikuti Penjelasan Tahrirat Qurra' 'Asyarah Sughra dan Penerangan Kaedah Jamak 'Asyarah Sughra seterusnya Praktikal Qiraat Jamak. Semoga pelaksanaan bengkel ini dapat memperkasakan lagi kemahiran serta ilmu Qiraat para pensyarah DQ dan LTDQ khususnya berkaitan bacaan Qiraat secara jamak.





## KITAB PULAU PINANG HASRAT JADI LTDQ

24 Jun 2022 - Seramai tujuh orang delegasi dari Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang diketuai Rektor, Prof. Dr. Mohamad bin Abdul Hamid telah mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran hari ini. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hasrat KITAB untuk mengadakan kerjasama akademik khususnya penawaran Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat secara kerjasama dengan Darul Quran.

Ketika ini terdapat 10 institusi tahfiz seluruh Malaysia yang mengadakan kerjasama akademik dengan DQ dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat kecuali Negeri Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Kesepuluh institusi tahfiz ini diistilahkan dengan nama Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).

KITAB sebelum ini juga merupakan salah satu dari LTDQ secara literalnya tetapi tidak menyambung MoU dengan DQ apabila tempoh MoU tamat pada tahun 2018. Semoga perbincangan awal bersama pihak KITAB ini menjadi titik tolak kepada penyertaan kembali KITAB Pulau Pinang sebagai Lokasi Tambahan DQ yang ke-11.



## UNIPSAS TAWAR GRADUAN DQ SAMBUNG PENGAJIAN

27 Jun 2022 – Delegasi lima orang pegawai Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) diketuai Naib Canselor, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Zawawi bin Zainal Abidin telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran hari ini. Tujuan kunjungan ini diadakan bagi mempromosi program-program pengajian yang ditawarkan oleh UnIPSAS di samping cadangan hasrat untuk mengadakan Perjanjian Persefahaman (MoU) antara DQ-UnIPSAS berkenaan kolaborasi seminar, bengkel, aktiviti-aktiviti pelajar dan lain-lain lagi.

Dalam sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh, Darul Quran mempelawa pihak UnIPSAS untuk mengambil bahagian dalam program Hari Huffaz: Selangkah Ke Menara Gading yang merupakan aktiviti tahunan Darul Quran. Selaras dengan objektif kunjungan hormat pihak UnIPSAS, program Hari Huffaz: Selangkah Ke Menara Gading diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar DQ serta LTDQ bagi menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Justeru melalui kunjungan hormat kali ini diharapkan agar hubungan antara dua institusi ini akan menjadi semakin erat yang menatijahkan impak-impak yang positif kepada para pelajar khususnya pelajar tahfiz.



## PENYAMPAIAN SUMBANGAN MADRASAH DARUS SALAM VIETNAM

30 Jun 2022 - Persatuan Kebajikan Darul Quran (PKDQ) menyampaikan RM100,000 hasil sumbangan orang ramai kepada Madrasah Darus Salam, Vietnam bagi pembinaan madrasah untuk pelajar beragama Islam di Vietnam. Penyampaian telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh mewakili Pengerusi PKDQ.

Turut hadir Pengerusi Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Dato' Razali bin Shahabudin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Taqwa, Haji Zabidi bin Nasan, wakil-wakil NGO dan jawatankuasa PKDQ.



## JULAI 2022

### **MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA**

4 Julai 2022 - Seramai 190 orang pelajar baharu telah diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM Sesi Pengajian 2022-2025. Majlis yang diadakan di Dewan Mukhtamar Darul Quran ini meraikan pengambilan pertama pelajar bagi sesi kali ini. Sementara pengambilan sesi kedua akan masuk pada 14 Julai 2022 nanti. Bagi pengambilan pertama ini, DQ telah menerima seramai 119 orang pelajar banin dan 71 orang pelajar banat.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali, Timbalan Pengarah akademik yang mewakili Pengarah. *"Di sinilah tapak untuk anak-anak pelajar bermula dalam melakar perjalanan seterusnya selaku warga Darul Quran. Kecemerlangan kita mestilah diukur bukan sahaja atas kemajuan diri sendiri tetapi sejauh mana kecemerlangan ini juga dapat dikecapi oleh semua di sekeliling kita"*, kata beliau dalam ucapan perasmianya.

Menurutnya lagi: *"Manfaatkan peluang yang amat istimewa ini, jadilah seorang pelajar tahfiz yang cemerlang, berdaya saing, bertanggungjawab dan beretika. Bermula hari ini, kita adalah satu pasukan warga Darul Quran yang akan merealisasikan kecemerlangan yang diimpikan."*



### 38 ORANG JURUAUDIT DQ DAN LTDQ TERLIBAT BENGKEL TOT JAKIM

6 Julai 2022 – Seramai 38 orang juruaudit dari DQ dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah terlibat dalam Bengkel *Training of Trainers* (ToT) Panel Audit Pemberi Pendidikan Tinggi JAKIM yang diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi. Bengkel yang diadakan selama dua hari bermula 5 Julai 2022 ini telah dianjurkan oleh Bahagian Dasar Kemajuan Islam. Tujuan bengkel ini diadakan bagi melahirkan juruaudit dalaman atau *internal assessor* yang dapat mencetuskan penambahbaikan berterusan dan dapat memastikan pematuhan secara total terhadap standard serta mengaplikasi amalan audit berimpak tinggi terhadap program pengajian berdasarkan standard yang ditetapkan oleh badan akreditasi.

Puan Suhaini Hassan dari Mercuri Inovasi Training & Consulting telah dijemput sebagai panel penasihat atau pembimbing bengkel. Hasil daripada bengkel TOT ini, semua juruaudit dapat menjelaskan definisi, tujuan dan proses serta etika audit dalaman/penilaian sendiri. Juruaudit juga berjaya menyiapkan senarai semak generik dan spesifik audit berdasarkan keperluan COPPA. Selain itu, peserta bengkel dapat melaksanakan simulasi audit/penilaian sendiri serta menambah baik senarai semak. Melalui bengkel ini juga, juruaudit akan dapat menyediakan analisis, laporan penilaian sendiri SRR dan dapat mengenal pasti jurang (*gap*) serta peluang penambahbaikan (CQI).



## AHLI LEMBAGA DQ BERSIDANG KALI KE-39

6 Julai 2022 - Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya telah menjadi lokasi Mesyuarat Lembaga Darul Quran Bilangan 39 yang bersidang hari ini. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Darul Quran JAKIM.

Mesyuarat pada kali ini membincangkan lima kertas cadangan dan dua kertas makluman. Kesemua kertas-kertas yang dikemukakan telah mendapat persetujuan dan pengesahan oleh ahli lembaga untuk dilaksanakan. Antara ahli-ahli yang hadir pada sesi kali ini ialah Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Prof. Dr. Mohd Radhi bin Ibrahim, Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari bin Long, Tuan Haji Hassan Nudin bin A. Hamid, Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Tuan Zawawi bin Ghazali dan Pengarah Darul Quran, Us Mohamad Kori bin Jusoh selaku Setiausaha.

Pengerusi merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli lembaga atas sumbangan serta jasa dalam memberi idea serta pandangan yang baik demi memastikan kelangsungan institusi tahfiz terutamanya Darul Quran terus berada di persada perdana.



## TNC HEPA, MPP USIM BERKUNJUNG KE DQ

6 Julai 2022 - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM telah mengadakan ziarah ke Darul Quran bertemu rakan-rakan dari Persatuan Mahasiswa DQ (PMDQ). Istimewanya kunjungan ini turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Dr. Adnan Mohamed Yusoff dan beberapa wakil dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk meninjau keadaan mahasiswa Program Ijazah Darul Quran secara kerjasama dengan USIM di samping menjalin kerjasama yang baik antara MPP USIM dengan Persatuan Mahasiswa DQ (PMDQ).

Dalam sesi ucapan, TNC HEPA menyatakan hasrat agar para mahasiswa menjaga nama program pengajian kolaborasi USIM-DQ ini dengan baik. Di samping turut menceritakan beberapa halangan dan rintangan yang terpaksa dihadapi untuk mewujudkan program ini ketika di awal-awal pewujudannya. Justeru beliau berharap supaya program USIM-DQ ini dapat diteruskan dan ditambah baik.

Turut hadir menyantuni delegasi USIM ini ialah Pengarah, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh serta beberapa orang pegawai Darul Quran.



## PENGARAH RASMI PENUTUPAN MINGGU HALUAN HUFFAZ PROGRAM DIPLOMA

13 Julai 2022 – “Tak kenal maka tak cinta”. Bagi memupuk rasa cintakan Darul Quran, Minggu Haluan Huffaz telah diatur kepada pelajar-pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Sesi 2022-2025. Program yang telah diadakan pada 4-8 Julai 2022 ini melibatkan seramai 186 orang pelajar banin dan banat. Program ini telah diadakan di kompleks Darul Quran dan kawasan sekitar Buluh Telor Kuala Kubu Bharu.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam Minggu Haluan Huffaz pada tahun ini ialah slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Aktiviti Luar seperti Explorace serta Kembara dan lain-lain lagi. Majlis penutup program telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh pada 13 Julai 2022 bersekali dengan Program Ibadah Korban Darul Quran.

Pihak urus setia Minggu Haluan Huffaz telah menggariskan empat objektif utama program tahun ini iaitu:

- i. Memupuk rasa sayang kepada institusi Darul Quran serta hormat kepada warga Darul Quran dan sifat ukhuwah sesama pelajar;
- ii. Membina ketahanan dan kekuatan untuk menghafal al-Quran (fizikal dan mental);
- iii. Membentuk sahsiah diri pelajar sebagai huffaz yang terpilih sebagai hamalatul Quran; dan
- iv. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri (jati diri) bagi melayakkan diri menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Melalui 'latihan' sepanjang Minggu Haluan Huffaz ini diharapkan semoga kesemua pelajar-pelajar baharu benar-benar bersedia serta kompeten untuk menempuh cabaran sepanjang bergelar sebagai pelajar Darul Quran JAKIM.





## DQ SAMBUT PROGRAM IBADAH KORBAN

13 Julai 2022 - Darul Quran melalui Pusat Islam telah mengadakan Program Ibadah Korban 1443H hari ini. Sebanyak empat ekor lembu telah dikorbankan dalam program ini dan dagingnya telah diagih-agihkan kepada para pekerja kontrak syarikat pembersihan, keselamatan serta penyelenggaraan di samping kakitangan Darul Quran. Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh hadir menyempurnakan pengagihan daging-daging tersebut.

Kerja-kerja melapah, mencuci sehinggalah memasak daging korban pada hari ini turut disertai oleh anak-anak pelajar Darul Quran sendiri bersama pegawai dan kakitangan. Semoga melalui aktiviti ibadah korban ini dapat mengeratkan silaturahim di samping memupuk sikap timbang rasa dan prihatin terhadap masyarakat sekitar.



## KUNJUNGAN HORMAT DATUK DR. DOMINIC KE DQ

14 Julai 2022 - Darul Quran berbesar hati menerima kunjungan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, Ahli Dewan Negara hari ini. YB Datuk Dr. Dominic juga adalah merupakan mantan pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur sebelum terlibat dalam politik.

Kunjungan hormat ini telah disambut mesra oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh bersama pegawai-pegawai kanan Darul Quran. Tujuan kunjungan ini diadakan adalah untuk mengetahui sedikit sebanyak latar belakang berkenaan Darul Quran yang lokasinya terletak di Hulu Selangor dan menawarkan kursus atau latihan Pelaksanaan Audit Pemantauan ISO bagi Darul Quran JAKIM.

Pelbagai isu dan topik telah dibincangkan dalam sesi pertemuan yang berlangsung selama hampir satu jam setengah. YB Senator juga turut melahirkan rasa teruja dengan perkembangan terkini Darul Quran dan mengucapkan terima kasih di atas layanan yang telah diberikan oleh Darul Quran. Turut hadir bersama YB Senator ialah Cik Leong Wing Yan, Eksekutif Pembangunan Perniagaan dari SQC Consulting Group.



## IHTIFAL HUFFAZ DAN EKSPLO DQ 2022 DIRASMI

19 Julai 2022 – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk bin Shaary telah merasmikan Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-8 dan Ekspo sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Kali Ke-30. Seramai 747 peserta dari sembilan kontinjen yang mewakili Darul Quran serta institusi-institusi tahfiz al-Quran negeri yang mengadakan kerjasama akademik dengan Darul Quran dalam melaksanakan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat akan bertanding dalam kejohanan ini.

Sebanyak 19 acara dipertandingkan dalam kejohanan kali ini yang meliputi acara-acara "Pertandingan Ilmiah" dan "Kejohanan Sukan" dengan bertemakan "*Generasi Al-Quran Peneraju Keluarga Malaysia*". Acara-acara bagi kategori "Pertandingan Ilmiah" adalah seperti Tilawah al-Quran Berqiraat, Hafazan al-Quran, Debat Ala Parlimen, pidato, nasyid dan khat. Manakala bagi kategori "Kejohanan Sukan" pula acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti bola sepak, bola jaring, sepak takraw, badminton, bola tampar, ping pong dan futsal. Kesemua pertandingan ini diadakan di kompleks Darul Quran JAKIM, sekitar Kuala Kubu Bharu serta di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Bersempena dengan ekspo tahun ini juga, Darul Quran dengan kerjasama beberapa agensi turut membuka *Booth Charity* & Tabung Musaadah JAKIM Yayasan Waqaf Malaysia untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan. YB Datuk Ahmad Marzuk telah merasmikan penyampaian sumbangan kepada para penerima.

Selain Ihtifal Huffaz dan *Booth Charity*, pelbagai lagi acara menarik telah diadakan bagi memeriahkan lagi ekspo tahun ini seperti *booth-booth* pameran, gerai-gerai jualan, program Lailatul Quran, Malam Kesenian Islam, pertandingan memancing terbuka, aktiviti berkayak, memanah dan lain-lain lagi.





## **PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK SEMPENNA EKSPLO DQ**

19 Julai 2022 – Bersempena Ekspo Istiadat Konvokesyen Darul Quran Tahun 2022, Darul Quran telah menganjurkan pertandingan mewarna yang bertempat di Dewan Perpustakaan Darul Quran. Penyertaan pertandingan ini dibuka kepada pelajar-pelajar tadika serta prasekolah-prasekolah sekitar Kuala Kubu Bharu.

Seramai 74 orang pelajar tadika dan prasekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Selain dari acara mewarna turut diadakan cabutan bertuah untuk peserta sebagai acara selingan. Penjurian telah dilakukan oleh pensyarah Darul Quran iaitu Puan Nur Hallyda binti Mohd Sham dan Ustaz Ilham bin Che Daud@Zakaria. Program berakhir kira-kira pada jam 11.00 pagi dan penyampaian hadiah serta cenderamata telah disampaikan oleh Ustaz Abd Aziz bin Abd Samat.



## ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN JAKIM KE-30

23 Julai 2022 - Seramai 659 orang graduan dari semua program pengajian yang ditawarkan telah diraikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Ke-30. Majlis yang gilang gemilang ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad.

Berikut merupakan pecahan bilangan graduan berdasarkan program pengajian yang dijalankan di Darul Quran:

- 498 orang graduan Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat;
- 53 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM;
- 30 orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN;
- Tiga orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UoC;
- Enam orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM;
- Empat orang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-PSA;
- Seorang graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-MSU;
- 44 orang penerima Sijil Tamat Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ;
- Empat orang pelajar Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran;
- Seorang pelajar Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran; dan
- 15 orang perantis Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid kerjasama antara DQ dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Sejak penubuhannya pada tahun 1966 sehingga hari ini berlangsungnya Majlis Istiadat Konvokesyen, Darul Quran telah berjaya melahirkan 10,671 orang graduan huffaz. Dalam majlis istiadat ini, saudara Muhammad Irfan Iman bin Abd Samad dan saudari Nurul Iman binti Raehamiizwan George@Mohd Syahmi'izzad dari Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri (anugerah tertinggi) pada tahun ini.





## **IHTIFAL HUFFAZ KALI KE-8 MELABUHKAN TIRAI**

23 Julai 2022 – Bermula pada lima hari yang lalu, akhirnya Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan kali ke-8 melabuhkan tirainya hari ini. Perasmian penutupan majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff. Majlis yang diadakan di Dewan Muktamar ini diadakan bersekali dengan penutupan Ekspo sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran Ke-30 yang akan berakhir esok (24 Julai 2022).

Berikut merupakan keputusan penuh Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2022:

### **Perbarisan Kontinjen Terbaik:**

Maahad Tahfiz Negeri Pahang

### **Juara Keseluruhan Pertandingan Ilmi:**

Darul Quran

### **Juara Keseluruhan Kejohanan Sukan**

Darul Quran

### **JUARA KESELURUHAN IHTIFAL HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-8**

Darul Quran





## 20 ORANG BAKAL “DOKTOR AL-HAFIZ” SELESAI DUDUKI PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN JAKIM-UOC SESI JULAI 2022

26 Julai 2022 – Seramai 20 orang pelajar semester dua dan seorang pelajar semester enam dari Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-University of Cyberjaya (UoC) telah menduduki peperiksaan bagi sesi Julai tahun 2022. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UoC ini merupakan program kerjasama akademik antara Darul Quran JAKIM dengan University of Cyberjaya (UoC) dalam usaha untuk melahirkan golongan “doktor al-hafiz”.

Peperiksaan pada sesi kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya sebagaimana yang telah dijadualkan pada 25 hingga 26 Julai 2022 bertempat di Level 4 Blok Akademik University of Cyberjaya bagi peperiksaan *syafawi* (lisan) dan di Level 7 bagi peperiksaan *tahriri* (bertulis). Seramai lima orang pegawai Darul Quran telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan peperiksaan yang berlangsung di pusat peperiksaan tersebut.



## **PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-MSU SESI JULAI**

26 Julai 2022 - Satu-satunya pelajar tunggal Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Management & Science University (MSU), Irfan Syahmi bin Shuhaimi telah menduduki peperiksaan semester tiga hari ini. Peperiksaan ini diadakan bertempat di Smart Lab Darul Quran JAKIM melibatkan kursus-kursus Hifz Al-Quran Syafawi, Hifz Al-Quran Tahriri, Tajwid Amali dan Adab Hamalatul Quran.

Doa dan harapan kami khususnya daripada warga pendidik Darul Quran JAKIM agar Irfan Syahmi terus cecal dan bersemangat dalam menempa kejayaan sehingga ke akhir pengajian.



**OGOS 2022**

**PERBINCANGAN PELAKSANAAN KERJASAMA ANTARA DARUL QURAN DAN MAIWP**

3 Ogos 2022 - Darul Quran telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Delegasi ini diketuai oleh Pengurus Bahagian Pembangunan Insan MAIWP, Encik Mohd Fauzi bin Abidin bersama enam orang pegawai lain yang turut mewakili Institusi-Institusi Pendidikan di bawah MAIWP. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh dan turut disertai oleh beberapa orang pegawai kanan Darul Quran.

Program kerjasama yang dibincangkan ini adalah satu usaha ke arah peningkatan kemahiran kepada para pelajar dan juga guru-guru tahfiz di bawah Institusi Pendidikan MAIWP. Antara program yang dicadangkan pelaksanaannya ialah penaziran, Mukhaysam Huffaz dan Kursus Peningkatan Guru-Guru Tahfiz.

Semoga kerjasama ini akan mengeratkan lagi hubungan antara Darul Quran serta MAIWP dan seterusnya dapat merealisasikan agenda pembangunan ummah dengan lebih menyeluruh.



## LAWATAN TAPAK PEGAWAI ISTANA NEGARA KE DQ

4 Ogos 2022 – Sebagai persiapan Majlis Lawatan Kerja KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Darul Quran JAKIM, pegawai-pegawai Istana Negara diketuai oleh Kolonel (B) Dato' Nazim bin Mohd Alim, Setiausaha Sulit Kanan kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI telah mengadakan lawatan tapak ke Darul Quran, Kuala Kubu Bharu. Tujuan lawatan tapak ini diadakan adalah untuk penyelarasan serta persiapan majlis tersebut.

Antara agensi yang terlibat dalam lawatan tapak ini selain pihak Istana Negara ialah dari Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Bahagian JAKIM, JKR, PDRM dan KKM. Turut hadir Y.D.M. Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor dan Ustaz Ahmad Al-Muhaymin bin Abd Wahab, Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Beberapa keputusan telah disepakati melalui sesi perbincangan semua agensi yang hadir dalam lawatan tapak ini. Semoga dengan semua persiapan yang telah dan akan dilaksanakan selepas ini bakal menatijahkan hasil yang terbaik.



## DARUL QURAN ANJUR WEBINAR RASM AL-QURAN

5 Ogos 2022 - Darul Quran JAKIM melalui Jabatan Pengajian Umum dengan kerjasama Jabatan Bahasa, Seksyen Pengajian Am, Cawangan Akademik telah menganjurkan Webinar berkaitan ilmu Rasm Al-Quran buat kali yang pertama. Webinar yang dilaksanakan secara hibrid ini melibatkan pelajar-pelajar semester satu Darul Quran secara bersemuka di Auditorium Darul Quran dan secara dalam talian bagi pelajar-pelajar di Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Webinar ini turut boleh disertai oleh orang awam melalui *live facebook* Darul Quran JAKIM.

Penganjuran Webinar Rasm Al-Quran ini merupakan salah satu inisiatif Cawangan Akademik yang bertujuan untuk melahirkan huffaz Darul Quran serta LTDQ yang berkemahiran dalam ilmu Rasm Al-Quran seterusnya dapat meningkatkan kualiti hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar khususnya bagi kursus Hifz Al-Quran Tahriiri. Bagi mencapai objektif program, dua orang penceramah dalam bidang al-Quran telah dijemput iaitu Al-Fadhil Syeikh Hossam Hasan Mohamed ElMihiy, Pensyarah Jabatan Pengajian Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran serta Ustaz Muhamad Muaz bin Abdul Hamid, yang merupakan Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Webinar ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Dalam ucapan perasmianya, Pengarah telah menyatakan bahawa hasrat Darul Quran bukan sahaja ingin melahirkan pelajar yang mampu menghafaz al-Quran tetapi turut mampu menulis ayat-ayat yang telah dihafaz berdasarkan tatacara dan kaedah-kaedah penulisan al-Quran yang sebenar. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Muhamad Zakuwa Bin Rodzali.

Melalui webinar ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi perkongsian ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang al-Quran di kalangan pelajar, warga Darul Quran seterusnya masyarakat awam yang turut terlibat dalam majlis ilmu ini secara hibrid.





## **MESYUARAT PENYELARASAN MOA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN & SUNNAH USIM-DQ**

5 Ogos 2022 – Suatu Mesyuarat Penyelarasan Memorandum Perjanjian Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah secara kerjasama antara USIM dengan Darul Quran telah diadakan hari ini bertempat di Dewan Mesyuarat Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM Nilai. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti, Prof. Madya Dr. Mohd Zuhdi Mohd Amin. Sementara ahli mesyuarat dari Darul Quran pula telah diketuai oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh.

Mesyuarat ini membincangkan perkara berkaitan perjanjian yang telah dimaterai hampir lima tahun dan dalam proses pembaharuan semula. Perbincangan yang harmoni antara pihak FPQS USIM dan DQ turut membincangkan hala tuju kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua institusi untuk masa hadapan.



## KUNJUNGAN HORMAT PUSAT ISLAM USM KE DARUL QURAN

10 Ogos 2022 - Dari Pulau Pinang ke Kuala Kubu Bharu, pada pagi ini Darul Quran sangat berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia (USM). Antara tujuan lawatan ini ialah bagi mendapatkan informasi dan maklumat berkenaan pelaksanaan Program Pengajian Tahfiz di Darul Quran.

Delegasi ini telah diketuai oleh Pengarah Pusat Islam USM, Tuan Haji Mohammad Shukri Osman bersama enam orang pegawai-pegawai yang lain. Turut meraikan dalam majlis yang diadakan secara santai ini ialah Ustazah Rosliza binti Abd Latif, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pembangunan Dasar & Instrumentasi, Darul Quran.



## PELAJAR DQ SERTAI BENGKEL TOT SUKARELAWAN SOSIAL ISLAM

14 Ogos 2022 – Pelajar dari Syukbah Dakwah Program Diploma Darul Quran telah menyertai Bengkel Training of Trainers (ToT) Manual Sukarelawan Sosial Islam pada 12 hingga 14 Ogos 2022. Program ini merupakan anjuran bersama Bahagian Keluarga Sosial & Komuniti (KSK) JAKIM, Darul Quran serta Persatuan Ulama Malaysia Wilayah Persekutuan (PUMWP). Majlis pembukaan program telah disempurnakan oleh Pengerusi PUMWP, Dato' Muhammad bin Abdullah.

Dalam bengkel ini, para peserta berpeluang mengikuti slot ceramah panel sukarelawan JAKIM bagi mengetahui tugas-tugas seorang sukarelawan, program-program yang boleh mereka sertai atau laksanakan serta cabaran-cabaran yang akan dihadapi. Panel penceramah ialah Dr. Wahiza binti Wahit dari Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Encik Kamaruddin Kassim dari PUMWP dan Puan Noor Azian binti Baharudin selaku Panel Sukarelawan.

Aktiviti lain yang diadakan ialah program khidmat masyarakat bersama komuniti di Chow Kit, antaranya memasak cucur bilis, bubur kacang dan menyediakan juadah makanan tengah hari. Makanan-makanan tersebut telah diagihkan kepada komuniti di Chow Kit. Di samping itu turut diadakan program bersama anak-anak seperti menyemak bacaan al-Quran, aktiviti melukis dan permainan kanak-kanak. Majlis perasmian penutup yang diadakan pada hari terakhir program telah disempurnakan oleh KPP Bahagian Keluarga Sosial & Komuniti (KSK) JAKIM, Ustazah Norhaliza binti Ali.



## KUNJUNGAN HORMAT AS SUNNAH FOUNDATION BANGLADESH KE DQ

15 Ogos 2022 – Darul Quran telah menerima lima orang tetamu antarabangsa dari As Sunnah Foundation, Bangladesh. As Sunnah Foundation ialah sebuah pertubuhan NGO yang ditubuhkan untuk memberikan pendidikan, dakwah serta kebajikan kepada masyarakat di Bangladesh berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Lawatan ini diadakan kerana pihak As Sunnah Foundation berhasrat ingin menjadikan model pendidikan tahfiz dan ulum islamiyyah di Darul Quran sebagai penanda aras untuk mewujudkan sebuah institusi pengajian di Bangladesh.

Antara delegasi yang hadir ialah Mr. Abdul Hayyi Muhammad Saifullah, Mr. Muhammad Tanwir Ahmad, Mr. Muhammad Nahid Hasan, Mr. Mahbuburrahman Rasil dan Mr. Mohd Taslim Uddin Chowdhury. Turut meraikan dalam majlis yang diadakan secara santai ini ialah Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali.




## DQ PATUHI KEPERLUAN STANDARD SIRIM

18 Ogos 2022- Pihak Darul Quran telah menjalani proses pemantauan audit dari pihak SIRIM QAS International selama dua hari bermula 17 Ogos dan 18 Ogos 2022. Hasil dapatan audit selama dua hari tersebut merumuskan terdapat hanya dua cadangan penambahbaikan berkaitan MS 1900:2014 dan lapan cadangan penambahbaikan berkaitan ISO 9001:2015.

Berikut adalah komentar pihak juru audit SIRIM: *“Hasil semakan audit pemantauan mendapati pelaksanaan sistem pengurusan kualiti DQ adalah mematuhi keperluan standard MS 1900:2014. Pihak pengurusan dan warga kerja telah menunjukkan komitmen dan usaha yang baik dalam memastikan sistem pengurusan kualiti dilaksanakan dengan berkesan. Objektif kualiti dan piagam pelanggan telah dibangunkan dan dipantau dengan baik. Pencapaian objektif kualiti juga dilaporkan melalui MKSP. Analisa pencapaian menunjukkan kebanyakan objektif dapat dicapai dengan baik. Pemantauan prestasi DQ melalui audit dalaman dan semakan pengurusan telah dilaksanakan seperti yang dirancang. Pemahaman terhadap keperluan standard masih boleh ditingkatkan di kalangan warga DQ bagi memastikan sistem yang dibangunkan lebih efektif dan boleh memberi nilai tambah kepada pihak DQ.”*

Melalui pengiktirafan serta pemantauan dari pihak SIRIM ini diharapkan semoga Darul Quran dapat terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada masa-masa akan datang.



## PELAJAR BAHARU DQ SERTA PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH HUFFAZ

19 Ogos 2022 – Sebagai persediaan kepada para pelajar dalam membentuk keperibadian tinggi dan sahsiah terpuji sebagai *hamalatul Quran*, kesemua pelajar baharu dari semester satu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat serta Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM telah terlibat dengan Program Pembangunan Sahsia Huffaz Siri 3 Tahun 2022. Program yang dianjurkan oleh Cawangan Hal Ehwal Pelajar ini membahaskan berkaitan “Disiplin Hafazan Berkesan” berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Unit Penyelidikan, Cawangan Kualiti. Slot ceramah telah disampaikan oleh Ketua Unit Penyelidikan Darul Quran, Ustaz Muhamad Toriq bin Yaacob.

Program ini telah menggariskan tiga objektif utama iaitu:

- mendedahkan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik menghafaz Al-Quran yang sebaiknya;
- mendedahkan kepada pelajar panduan dan tatacara pengukuhan hafazan al-Quran; dan
- memberi input kepada pelajar-pelajar berkenaan rutin harian seorang penghafaz al-Quran.

Melalui pelaksanaan program ini diharapkan semoga pelajar dapat memperoleh input terbaik dalam membangunkan sahsiah sebagai seorang huffaz al-Quran yang terbaik.



## **PERBINCANGAN HALA TUJU PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ JAKIM-POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

24 Ogos 2022 - Bertempat di Dewan Syura Utama Darul Quran telah diadakan suatu sesi perbincangan bersama pegawai-pegawai Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), kampus Shah Alam. Darul Quran dengan PSA telah menjalinkan kerjasama akademik sejak tahun 2017 melalui Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran. Sesi pertemuan dua pihak ini adalah untuk membincangkan hala tuju Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-PSA dalam mendepani isu-isu dan cabaran yang dihadapi serta mencari solusi ke arah pemerkasaan program ini.

Perbincangan ini dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Turut hadir di pihak Darul Quran ialah Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali, Ketua-Ketua Jabatan Cawangan Akademik dan Ketua-Ketua Unit Cawangan Kualiti.

Manakala PSA diwakili sembilan orang pegawai dengan diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik iaitu Ts. Roseman bin Mat Jidin@Jidin, Pn. Haslina binti Abdullah@Mohamed (Ketua Jabatan Pengajian Am), Us. Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria (Ketua Kursus Techno Huffaz), Us. Mohd Sharoni bin Ismail (Mudir) serta lima orang pegawai lain. Kehadiran delegasi dari PSA ini memperlihatkan sokongan dan komitmen pengurusan tertinggi terhadap usaha meningkatkan kualiti akademik pelajar PSA khususnya dalam bidang Tahfiz Al-Quran.

Penutup kepada sesi pertemuan ini turut diserikan dengan Pelancaran e-Modul Interaktif Tehcno Huffaz yang telah disempurnakan oleh Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh.



## PEPERIKSAAN PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ SESI OGOS 2022

25 Ogos 2022 - Seramai lima orang pelajar semester satu yang terdiri daripada dua orang pelajar OKU penglihatan serta tiga orang pelajar kategori pribumi Sabah dan Sarawak telah menduduki peperiksaan Program Sijil Asas Tahfiz (SAT) bagi sesi Ogos tahun 2022.

Peperiksaan pada sesi kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya sebagaimana yang telah dijadualkan pada 22 hingga 25 Ogos 2022 bertempat di kelas pelajar OKU penglihatan dan Smart Lab Darul Quran. Pelajar-pelajar ini telah menduduki peperiksaan bagi kursus Hifz Al-Quran Syafawi 1, Hifz Al-Quran Tahriri 1, Tajwid Ilmi, Aqidah, Fiqh, Bahasa Arab 1, Bahasa Inggeris dan Al-Quran Braille.

Program Sijil Asas Tahfiz ini merupakan penjenamaan semula daripada Pensijilan Tahfiz Al-Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) dan diperkenalkan pada tahun 2016 yang melibatkan calon dalam kalangan pelajar OKU penglihatan sahaja. Pada tahun 2018, program ini terus diperkasakan dengan dibuka penyertaannya kepada pelajar-pelajar dalam kategori muallaf, orang asli serta pribumi Sabah dan Sarawak.



## MESYUARAT PERSIAPAN MAJLIS LAWATAN KERJA YANG DI-PERTUAN AGONG SERTA TUANKU PERMAISURI KE KAMPUS DARUL QURAN

26 Ogos 2022 – Sempena Majlis Lawatan Kerja KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Darul Quran serta Pelancaran Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Edisi Rumi Baharu pada 8 September 2022, hari ini telah diadakan mesyuarat persiapan majlis tersebut. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff ini melibatkan jawatankuasa induk dari beberapa Bahagian JAKIM serta beberapa agensi kerajaan yang berkaitan.

Dalam ucapan aluannya, Datuk Hajah Hakimah selaku pengerusi mesyuarat menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat atas kemajuan gerak kerja yang telah dilaksanakan setakat ini. Berdasarkan laporan yang dibentangkan dalam mesyuarat ini, tugas setiap jawatankuasa telah hampir selesai dan mencapai peratus sekitar 80%. Hanya berbaki tugas yang melibatkan persiapan tempat dan tugas-tugas pada hari kejadian sahaja.

Semoga dengan segala persiapan yang telah dilaksanakan ini akan melancarkan majlis seperti yang dijadualkan pada hari kejadian.



## PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UNITEN SESI OGOS 2022

26 Ogos 2022 - Seramai 141 orang pelajar semester tiga dan enam Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN telah menduduki peperiksaan semester bagi sesi Ogos pada 25 dan 26 Ogos 2022. Pelajar-pelajar ini telah menduduki peperiksaan Hifz Al-Quran Syafawi 3, Tajwid Amali 2, Hifz Al-Quran Syafawi 6 serta Tajwid Amali 3 pada hari pertama yang bertempat di Tingkat 2, Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial. Manakala pada hari kedua, para pelajar telah menduduki peperiksaan bagi kursus Hifz Al-Quran Tahiri 3 dan Hifz Al-Quran 6 yang dilaksanakan di Tingkat 6, Perpustakaan UNITEN.

Cawangan Akademik Darul Quran telah melantik 11 orang pegawai Darul Quran sebagai panel peperiksaan dan seorang pengawas calon bagi melancarkan lagi urusan di pusat peperiksaan.

Untuk rekod, program ini dijalankan secara kerjasama di antara Darul Quran JAKIM dengan UNITEN dan proses pengajaran serta pembelajaran dijalankan sepenuhnya di kampus UNITEN. Semoga pelajar-pelajar program ini terus cemerlang sekali gus memberi impak yang positif kepada masyarakat dan ummah.



## **SEPTEMBER 2022**

### **MAJLIS LAWATAN KERJA KDYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG DAN KDYMM SPB RAJA PERMAISURI AGONG KE DARUL QURAN**

9 September 2022 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar AlHaj berkenan bercemar duli berangkat ke Majlis Lawatan Kerja di Darul Quran JAKIM.

Keberangkatan tiba KDYMM SPB Tuanku berdua disambut oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan isteri, Ketua Pengarah JAKIM, wakil Istana Selangor serta dif-dif kehormat yang lain.

Majlis lawatan kerja ini dimulakan dengan alunan ayat-ayat suci al-Quran yang dibacakan oleh saudara Aiman Ridhwan bin Mohd Ramlan, pelajar semester akhir Program Pengajian Quran & Sunnah USIM di Darul Quran serta merupakan Johan Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Majlis diteruskan dengan sembah ucapan aluan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan juga sembah taklimat berkaitan Darul Quran oleh Pengarah Darul Quran.

Dalam majlis ini juga, KDYMM SPB Tuanku juga turut berkenan melancarkan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Edisi Rumi Baharu yang diterbitkan oleh JAKIM. Selain itu, KDYMM SPB Tuanku dan KDYMM SPB Tuanku Raja Permaisuri juga mengadakan lawatan ke kelas-kelas pengajian serta melihat galeri al-Quran di Darul Quran. Agenda Majlis Lawatan Kerja ini diakhiri dengan majlis santapan ringan dan pengurniaan sumbangan oleh KDYMM SPB Tuanku kepada pelajar-pelajar Darul Quran. Semoga dengan kesudian KDYMM SPB Tuanku dan KDYMM SPB Tuanku Raja Permaisuri bercemar duli berangkat ke kampus Darul Quran akan menambahkan lagi seri dan indahnya Darul Quran.



## **LAWATAN KERJA TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK DQ KE MAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN**

15 September 2022 - Timbalan Pengarah Akademik (TPA) Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali bersama dua orang pegawai Cawangan Akademik telah membuat lawatan kerja ke Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Tapah, Perak. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Tapah merupakan salah satu daripada 10 Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) yang berkolaborasi dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan isu-isu berbangkit berkenaan dengan program pengajian di LTDQ ADDIN di samping mengeratkan lagi hubungan serta komunikasi dua hala.

Ketibaan delegasi dari DQ ini telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan ADDIN, Tuan Haji Mohd Sabri bin Nordin. Lawatan ke ADDIN Tapah ini merupakan lawatan pertama TPA ke LTDQ dan akan disusuli dengan LTDQ-LTDQ yang lain.



## PROGRAM MENTOR MENTEE DARUL QURAN

22 September 2022 – Seramai 43 orang peserta dari kalangan Kaunselor, Pegawai dan Pensyarah Darul Quran serta Lokasi-Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah terlibat dalam Program Mentor Mentee Darul Quran Tahun 2022. Program yang diadakan bertempat di Dewan Maktabah Darul Quran ini telah diadakan selama tiga hari bermula pada 20 September 2022 dan berakhir pada hari ini. Objektif program ini diadakan adalah untuk membincangkan kepentingan program pementoran (mentor-mentee), peranan mentor dan lain-lain.

Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohamad Fauzi bin Saad, Ketua Pegawai Psikologi, Jabatan Perdana Menteri selaku penceramah. Turut menjadi agenda dalam program ini ialah latihan simulasi serta praktikal kepada para peserta yang dikendalikan oleh Dr. Mohd Zaharen bin Md Zahir, Ketua Unit Kaunseling Darul Quran dengan menggunakan modul REBT-Tazkiyah An-Nafs.

Melalui program ini diharapkan agar para peserta dapat mengaplikasikan ilmu berkaitan asas kaunseling yang diperolehi sepanjang program untuk membantu para pelajar di institusi masing-masing.



## **DQ BERI PENDEDAHAN BERKAITAN ISO KEPADA BAHAGIAN PENDIDIKAN JAKIM**

23 September 2022 – Berdasarkan pengalaman selaku institusi yang telah mendapat pengesahan pensijilan ISO sejak tahun 2008, Darul Quran telah menjadi destinasi lawatan Bahagian Pendidikan JAKIM. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan pendedahan berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO yang telah dilaksanakan di Darul Quran. Sehingga kini, Darul Quran telah berjaya memperolehi pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah dari SIRIM Qas International Sdn. Bhd.

Lawatan kerja dari Bahagian Pendidikan JAKIM tersebut telah diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Penyelarasan Pendidikan, Ustazah Hajah Fauziah binti Razap bersama lima orang pegawai dari Bahagian Pendidikan JAKIM yang lain. Ustazah Rosliza binti Abdul Latif selaku Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pembangunan Dasar & Instrumentasi Darul Quran telah mempengerusikan sesi perbincangan antara kedua pihak.

Selepas sesi perbincangan dan soal jawab yang berlangsung selama hampir dua jam, para pelawat berpuas hati dengan maklumat yang telah disampaikan oleh pegawai-pegawai Darul Quran. Semoga perkongsian ini sedikit sebanyak dapat membantu Bahagian Pendidikan JAKIM dalam merealisasikan hasrat mereka.



## PELAJAR DARUL QURAN MENABUR BAKTI DI KG ULU SEPETANG TAIPING

25 September 2022 - Seramai 40 orang pelajar Semester Lima Syukbah Qiraat telah berkampung di Ulu Sepetang, Taiping selama 3 hari 2 malam (23-25 September 2022) bersama-sama dengan anak-anak yatim Rumah Nur Kasih Ulu Sepetang. Pelbagai aktiviti dilakukan antaranya riadah bermodul, penerapan asas-asas fardu ain, malam kebudayaan, ceramah selepas Solat Maghrib, sesi gotong-royong bersama-sama dengan warga kampung dan lain-lain.

Program khidmat masyarakat ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat Semester Lima di bawah kod Kursus MPU 2412 Jabatan Pengajian Umum, Seksyen Pengajian Am, Cawangan Akademik Darul Quran. Antara tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar menimba ilmu mengenai konsep bersosial bersama masyarakat dan bersikap mulia terhadap orang lain.

Majlis penutupan program khidmat masyarakat ini telah disempurnakan oleh Ustaz Muhammad Khaled bin Abdullah, Penasihat Program Khidmat Masyarakat. Turut memberikan ucapan aluan ialah Pengerusi Masjid Mohd Ali Rouse, Ulu Sepetang. Semoga dengan pelaksanaan program khidmat masyarakat ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat di Kampung Ulu Sepetang, Taiping.



## HUFFAZ DQ MENYANTUNI ANAK YATIM DI MELAKA

25 September 2022 - Seramai 29 pelajar Semester Lima Syukbah Hadith telah berkunjung ke Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Melaka selama 3 hari 2 malam (23-25 September 2022) bersama-sama dalam program Permata Ummah. Pelbagai aktiviti dilakukan antaranya *ice breaking*, latihan dalam kumpulan (LDK), riadah, Tahsin Ibadah & Fatihah, *explorace*, gotong royong dan lain-lain.

Program khidmat masyarakat ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat Semester Lima di bawah kod Kursus MPU 2412 Jabatan Pengajian Umum, Seksyen Pengajian Am, Cawangan Akademik Darul Quran. Antara tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar menimba ilmu mengenai konsep bersosial bersama masyarakat dan bersikap mulia terhadap orang lain.

Majlis penutupan program khidmat masyarakat ini telah disempurnakan oleh Pengurus Rumah Anak Yatim RAYSS, Tuan Naillul Hafidz bin Haji Ibrahim. Turut hadir dan memberikan ucapan ialah Pensyarah Kursus MPU 2412. Semoga dengan pelaksanaan program khidmat masyarakat ini dapat memberikan manfaat dan motivasi kepada Anak Yatim RAYSS untuk lebih berjaya pada masa akan datang. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua jawatankuasa Program Permata Ummah.



## **PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SYUKBAH SYARIAH SEMESTER LIMA MELABUHKAN TIRAI**

25 September 2022 - Seramai 27 orang pelajar Syukbah Syariah Semester Lima dengan kerjasama pihak pengurusan Pulau Orang Utan dan Masjid Qariah Seri Ampangan, Nibong Tebal telah berjaya merealisasikan program khidmat masyarakat dengan slogan "We Care, We Serve". Program yang julung-julung kalinya diadakan ini adalah bagi memenuhi salah satu daripada tuntutan kursus khidmat masyarakat yang wajib diambil oleh semua pelajar semester lima Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.

Program ini telah berlangsung selama tiga hari bermula pada 23 hingga 25 September 2022. Antara agenda program ini ialah aktiviti gotong-royong di Pulau Orang Utan. Para pelajar dapat melihat sendiri persekitaran dan keadaan haiwan yang diancam kepupusan ini serta memberikan khidmat yang termampu berupa aktiviti membersihkan kawasan pulau orang utan bersama pihak pengurusan.

Selain itu, para pelajar turut memberikan khidmat terhadap masyarakat sekitar Nibong Tebal, Pulau Pinang dengan mengadakan program "Smart Solat" bersama pelajar Tahfiz Al- Abyadh. Seramai 57 orang peserta yang terdiri daripada 27 orang lelaki dan 30 orang perempuan dalam lingkungan usia tujuh hingga dua belas tahun. Aktiviti lain yang diadakan ialah slot LDK iaitu amali solat serta wuduk, tayammum, bacaan tajwid dalam kumpulan, *explorace* dan slot kuiz.

Program khidmat masyarakat anjuran Syukbah Syariah ini menemui titik noktahnya dengan majlis penutupan yang disempurnakan oleh Pengerusi Masjid Qariah Seri Ampangan, Prof. Madya Dr. Soib.



## DARUL HUFFAZ TATI SKILLS HASRAT ANJUR STM

27 September 2022 – Dalam usaha mendapatkan perakuan hafazan pelajar, delegasi Darul Huffaz Pusat Latihan Kemahiran TATI telah mengadakan lawatan kerja ke Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu. Objektif lawatan ini diadakan ialah untuk membincangkan pelaksanaan program pengujian Sijil Tahfiz Malaysia (STM) bagi pelajar-pelajar mereka.

Darul Huffaz Pusat Latihan Kemahiran TATI telah diwakili oleh tiga orang pegawai diketuai Ts. Dr. Mohd Najib bin Muhamed, Pengurus Besar TATI Skills, Ustaz Ahmad Wafee bin Sulaiman, Pengetua Darul Huffaz TATI Skills dan seorang wakil pengajar. Sesi perbincangan antara kedua pihak telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali.

Kesimpulan daripada pertemuan ini, Darul Quran menyambut baik hasrat Darul Huffaz TATI Skills untuk menganjurkan peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) dengan beberapa syarat yang ditetapkan oleh pihak Darul Quran. Peperiksaan STM ini dijangka akan diadakan pada tahun hadapan.



## SYARIKAT THE JOURNEY AMS PROMOSI APLIKASI E-QURAN TARTEEL AI

28 September 2022 – Dalam usaha mendigitalkan budaya al-Quran, Syarikat The Journey AMS Sdn. Bhd. telah mengadakan lawatan kerja ke Darul Quran. Tujuan lawatan kerja ini diadakan adalah untuk membincangkan berkaitan aplikasi e-Quran Tarteel AI. Aplikasi ini mempunyai ciri-ciri unik dan menarik seperti pengesanan kesalahan, deteksi suara dan lain-lain lagi.

Syarikat The Journey AMS Sdn. Bhd. telah diwakili oleh Encik Wan Emir Astar bin Datuk Wan Khair-il Anuar selaku Pengarah bersama tiga orang lagi pegawai syarikat yang lain. Sementara sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pembangunan Dasar & Instrumentasi Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustazah Rosliza binti Abd Latif.

Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pihak Darul Quran dan pihak syarikat menyambut baik cadangan-cadangan tersebut dalam usaha untuk menambah baik lagi aplikasi.



## BENGGEL SEMAKAN PENGISIAN CLO/PLO PROGRAM DIPLOMA DQ

28 September 2022 - Cawangan Kualiti Darul Quran telah mengadakan bengkel semakan dan panduan pengisian markah CLO dan PLO bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat berdasarkan kesesuaian keperluan MQA04.

Bengkel selama sehari tersebut telah dilaksanakan dengan membuat semakan keperluan CLO Program Diploma berserta pengisian markah setiap proses penilaian berterusan dan peperiksaan.

Bengkel tersebut berjaya membuat penelitian kembali kaedah pengisian markah dan penyusunan kembali performa setiap program agar selari dengan instrumen MQA04.



## PELAJAR SYUKBAH PENGURUSAN HALAL DQ SERTA KURSUS SEMBELIHAN

28 September 2022 – Seramai 45 orang pelajar terdiri daripada 28 orang pelajar Semester Tiga dan 17 orang pelajar Semester Lima Syukbah Pengurusan Halal telah menghadiri Kursus Sembelihan Ayam bersama pensyarah Darul Quran, Ustazah Shahidah binti Shuib dan Ustaz Ilham bin Che Daud@Zakaria.

Kursus sembelihan ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Semester Tiga di bawah kod Kursus PIH2653 Fiqh al-At'imah Wa Al-Zabaih. Antara tujuan pelaksanaan kursus ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar mempraktikkan ilmu sembelihan yang dipelajari dengan betul mengikut hukum syarak.

Sebanyak 45 ekor ayam telah disembelih oleh para pelajar dan dipantau oleh penceramah jemputan, Ustaz Yazuli bin Rosli, Penceramah Sembelihan Halal Jabatan Agama Islam Selangor. Alhamdulillah, program ini telah berjalan dengan lancar.



## LAWATAN AUDIT AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN QURAN & SUNNAH USIM-DQ

29 September 2022- Seksyen Penyelarasan Pengajian Ijazah, Cawangan Akademik Darul Quran pada hari ini telah menerima lawatan daripada USIM bagi tujuan audit akademik untuk Program Pengajian Ijazah Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ bagi Semester 2 sesi akademik 2022/2023.

Audit yang dijalankan adalah meliputi fail pengajian dan pembelajaran, fail pengurusan akademik, fail pengurusan aduan, fail aktiviti pelajar ijazah, fail latihan industri serta projek ilmiah. Lawatan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Noornajihan Ja'far, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) bersama enam orang juruaudit turut disertai pensyarah-pensyarah Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah di Darul Quran yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Penyelarasan Pengajian Ijazah, Dr. Muhammad Hapizi bin Sulaiman yang mewakili Pengarah Darul Quran.

Laporan hasil pengauditan telah dibentangkan dan dirumuskan sebagai menepati dan mematuhi kehendak audit yang ditetapkan.



## **MESYUARAT PENYELARASAN INTERNATIONAL CONFERENCE ON PROFESSIONAL HUFFAZ 2022**

29 September 2022 - Sebagai persiapan penganjuran International Conference on Professional Huffaz (InFaz) 2022, Darul Quran telah mengadakan mesyuarat persiapan hari ini. Konvensyen yang dijadualkan pada November 2022 ini merupakan kerjasama tiga agensi iaitu Darul Quran JAKIM, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Bagi mesyuarat ini, Darul Quran telah diwakili beberapa orang pegawai yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali. Sementara UNITEN diwakili oleh En. Mohd Husin Talib, Pengurus Tabung Amanah Zakat bersama dua orang pegawai UNITEN yang lain. Manakala MAIWP pula telah diwakili oleh En. Mohd Fauzi Bin Abidin, Pengurus Bahagian Pembangunan Insan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said.

Konvensyen seperti ini pernah dilaksanakan pada tahun 2019 melibatkan kerjasama antara Darul Quran bersama-sama UNITEN. Program tersebut urus setia berjaya menghimpunkan lebih 1,000 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan tahfiz di Malaysia seperti institusi pengajian tinggi yang menawarkan Diploma dan sijil tahfiz, persatuan tahfiz, badan bukan kerajaan (NGO) dan wakil-wakil sekolah tahfiz di peringkat rendah serta menengah.

Melalui mesyuarat yang diadakan ini diharapkan semoga konvensyen yang bakal dilaksanakan nanti dapat berjalan dengan lancar.



## **DQ KONGSI PENGALAMAN PENGURUSAN PDP TAHFIZ KEPADA MRSM GEMENCHEH**

29 September 2022 - Bagi menunaikan hasrat MRSM Gemencheh untuk mendapatkan pendedahan serta bimbingan berkaitan pelaksanaan PdP tasmi' hafazan al-Quran, DQ telah mengatur sesi taklimat bertajuk "Perkongsi Pengalaman PdP Tahfiz Di Darul Quran". Sesi taklimat ini merupakan agenda utama lawatan penanda aras ke kampus Darul Quran yang diadakan oleh delegasi MRSM Gemencheh hari ini.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Tahfiz, Ustazah Yusida binti Yusof. Para pelawat telah mengambil sepenuh manfaat daripada lawatan ini dengan bertanya pelbagai soalan kepada pihak Darul Quran.

Sesi lawatan ini selesai dengan pertukaran cenderahati dari kedua-dua institusi.



## BENGGEL PROFORMA DAN PENYEDIAAN ISI KANDUNGAN BAGI SUBJEK BAHASA ARAB 2

29 September 2022 – Seramai 15 orang pensyarah Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah berkampung di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi dalam Bengkel Proforma dan Penyediaan Isi Kandungan Bagi Subjek Bahasa Arab 2. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mengemaskini proforma semester dua dan *template table four*. Selain itu, bengkel ini juga untuk melengkapkan isi kandungan dan memurnikan keseluruhan topik serta sub topik.

Program ini telah diurus setiakan oleh Unit Kurikulum dan Jabatan Bahasa Darul Quran. Melalui bengkel ini diharapkan dapat menjadi platform penjanaan idea hasil daripada perbincangan dan keputusan bersama bagi penyediaan strategi dalam meningkatkan laras bahasa pelajar-pelajar Darul Quran serta LTDQ.



## DQ ANJUR PROGRAM KAUNSELING DAN MOTIVASI KEPADA PELAJAR

30 September 2022 – Seramai 300 orang peserta dari Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Semester Satu dan Lima serta Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Semester Tiga telah dipilih menghadiri Seminar Kaunseling Darul Quran JAKIM Tahun 2022. Program yang diadakan di Auditorium Sheikh Mohd Noor Darul Quran ini telah dikendalikan oleh Dr. Mohd Zaharen bin Md Zahir Kaunselor Darul Quran.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar bagi persediaan dalam menduduki peperiksaan akhir semester yang akan bermula pada pertengahan bulan Oktober 2022. Melalui program ini diharapkan dapat membantu sedikit sebanyak para peserta untuk bersedia menduduki peperiksaan khususnya dari sudut mental.



## OKTOBER 2022

### **KURSUS PROFESIONALISME PENSYARAH TASMI' PENSIJILAN DQ-IPT KOLABORASI**

5 Oktober 2022 – Darul Quran sentiasa komited bagi memastikan mutu penyampaian bagi proses pembelajaran dan pengajaran di Darul Quran serta institusi yang menjalankan kerjasama dengan Darul Quran sentiasa dalam tahap yang terbaik terutama berhubungan dengan subjek Hifz al-Quran. Bagi mencapai matlamat ini, DQ telah mengadakan Kursus Profesionalisme Pensyarah Tasmik Pensijilan Darul Quran-Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kolaborasi 2022 yang dilaksanakan bermula selama tiga hari iaitu dari 3 hingga 5 Oktober 2022.

Kursus ini melibatkan penyelaras serta pensyarah tasmik' dari institusi-institusi pengajian tinggi yang berkolaborasi dengan Darul Quran dan menawarkan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran DQ-IPT. Kursus yang melibatkan 21 orang peserta ini disertai oleh peserta dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan University of Cyberjaya (UoC).

Diharapkan objektif kursus iaitu untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) kursus Hifz al-Quran di samping membincangkan isu serta permasalahan berkenaan PdP pelajar-pelajar tahfiz al-Quran tercapai. Perasmian penutup kursus telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustazah Rosliza binti Abdul Latif.




## 126 CALON DUDUKI PEPERIKSAAN STM SIRI 2 HARI INI

6 Oktober 2022 – Seramai 126 orang peserta yang layak dari seluruh Malaysia telah hadir bagi menjalani Peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia Siri 2 bagi Tahun 2022. Ujian yang telah dijalankan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 5.30 petang ini telah diadakan di dua lokasi iaitu di kampus Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu dan di Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR).

Setiap calon dinilai dengan tiga komponen subjek iaitu Hifz Al-Quran 30 Juzu' Syafawi (lisan), Hifz Al-Quran 30 Juzu' Tahriri (bertulis) dan Pengetahuan Agama Islam (bertulis). Bagi memastikan kelancaran pengendalian peperiksaan ini, seramai 13 orang pensyarah telah dilantik sebagai panel syafawi dan empat orang pensyarah telah dilantik sebagai pengawas di kedua-dua pusat peperiksaan.

Sebagai maklumat tambahan, objektif STM ini diperkenalkan adalah untuk memberi peluang terutamanya kepada golongan yang tidak mendapat pendidikan secara formal untuk mendapatkan sijil khas tahfiz di samping menggalakkan masyarakat Islam di Malaysia untuk menghafaz al-Quran.



## **LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR SYUKBAH PENGURUSAN HALAL KE BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL JAKIM & KILANG COKLAT BERYL'S**

6 Oktober 2022 - Seramai 31 orang pelajar Syukbah Pengurusan Halal Semester Lima bersama tiga orang pensyarah pengiring telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Pengurusan Halal JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya dan Kilang Coklat Beryl's di Sri Kembangan.

Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan dan kesedaran tentang kemajuan serta potensi industri halal di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Di samping itu, program ini juga dijalankan bagi membuka ruang dan peluang kepada pelajar untuk mendalami bidang serta laluan kerjaya berkaitan halal dengan lebih realistik.

Antara pengisian penting sepanjang program adalah perkongsian berkaitan perihal pemantauan dan penguatkuasaan halal, sejarah serta fungsi Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHac) daripada Pegawai Bahagian Pengurusan Halal. Dalam sesi ini, pelajar turut menyertai "Program Celik Halal" yang dianjurkan dan telah berlangsung dengan jayanya. Manakala di Beryl's, pelajar telah didedahkan dengan kaedah pembuatan serta kawalan risiko halal sepanjang proses pembuatan coklat.

Semoga program lawatan sambil belajar seumpama ini memberi inspirasi dan pendedahan kepada pelajar dalam memahami bidang halal dengan lebih mendalam serta dapat dimanfaatkan kepada masyarakat seluruhnya.



## TPA DQ MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE POLITEKNIK SHAH ALAM

7 Oktober 2022 - Timbalan Pengarah Akademik (TPA) Darul Quran, Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali bersama dua orang pegawai Cawangan Akademik telah mengadakan kunjungan hormat ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor. Tujuan kunjungan ini diadakan adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan isu-isu berbangkit berkenaan dengan program pengajian di PSA di samping mengeratkan lagi hubungan serta komunikasi dua hala.

Kunjungan delegasi DQ ini telah disantuni oleh pegawai-pegawai PSA diketuai Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Roseman bin Mat Jidin. PSA merupakan IPT kolaborasi dengan Darul Quran yang menjalankan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-PSA sejak tahun 2014 dalam usaha melahirkan golongan huffaz profesional pengkhususan bidang Pengurusan Perniagaan.

Melalui kunjungan ini diharapkan semoga standard kualiti program pengajian ini dapat terus dipertingkatkan seterusnya melahirkan lebih ramai lagi golongan huffaz profesional yang cemerlang.



## DQ ANJUR BENGKEL PEMURNIAN MYPORFOLIO

12 Oktober 2022 - Seramai 30 orang kakitangan Darul Quran telah terlibat dalam Bengkel Pemurnian MyPortfolio Tahun 2022. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk pemurnian dokumentasi MyPortfolio selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 4 Tahun 2018.

Bertempat di Makmal Komputer Darul Quran, bengkel yang diadakan selama dua hari ini telah diadakan sejak semalam, 11 Oktober 2022 dan berakhir pada hari ini. Puan Aida Marhaini binti Hassan dan Puan Norasyimah binti Ibrahim dari Bahagian Penyelidikan Pengurusan, Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah dijemput selaku penceramah bengkel.

Dengan tunjuk ajar penceramah pakar selama dua hari ini, bengkel ini akan dilanjutkan selama dua hari lagi iaitu pada 13 dan 14 Oktober 2022 melibatkan semua baki kakitangan Darul Quran dengan diselia oleh Unit Sumber Manusia Darul Quran pula.



## LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK KE LTDQ

13 Oktober 2022 - Darul Quran JAKIM telah mengadakan lawatan penaziran akademik Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Siri Dua Tahun 2022 ke-10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia. Lawatan ini telah berjaya dilaksanakan mulai 11 Oktober 2022 dan berakhir pada 13 Oktober 2022.

Objektif penaziran akademik ini diadakan bertujuan untuk memastikan setiap LTDQ yang berkolaborasi dengan Darul Quran memenuhi serta mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA).

Melalui lawatan penaziran ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara Darul Quran dengan LTDQ di samping memperkasakan akademik dalam usaha melahirkan generasi al-Quran yang terbaik.



## MUFTI SELANGOR CERAMAH MAULIDUR RASUL DI PUSAT ISLAM DQ

13 Oktober 2022 - Bertemakan "Keluarga Malaysia, Pemangkin Kemakmuran", Pusat Islam Darul Quran telah menganjurkan ceramah sempena Maulidur Rasul 1444H. Ceramah ini telah disampaikan oleh Y.A.D. Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

Dalam mukadimah ceramahnya, Sahibus Samahah berkata: "Allah SWT sifatkan Nabi SAW yang diutuskan kepada kita semua walaupun kita tidak berjumpa dengannya tetapi sifat yang Allah SWT sebut di dalam al-Quran. Begitu juga dengan hadis-hadis Nabi SAW menjadikan kita kenal Baginda SAW."

Justeru beliau menasihatkan: "Beberapa perkara penting, pengajaran dan tindakan yang perlu kita lakukan. Pertama sekali, kisah dan cerita sirah yang kita baca, tidak pernah kita jemu. Semakin kita buka kitab dan kita buka buku, semakin banyak yang kita berjumpa, semakin kita kenal Nabi SAW. Yang paling penting bukan semata-mata cerita yang kita dengar tetapi adalah tindakan yang perlu kita lakukan."

"Kita berdoa kepada Allah SWT agar terus diberikan kekuatan untuk terus mengenal Baginda Nabi SAW, mencintai Nabi SAW dan seterusnya kita mengikut segala apa yang ditinggalkan oleh Baginda SAW daripada syariat dan juga daripada sunnah-sunnahnya," kata beliau juga.

Turut hadir dalam ceramah ini, Timbalan Pengarah Akademik, Pendaftar, para pensyarah dan pelajar-pelajar Darul Quran serta masyarakat sekitar.



## **BENGGEL VERIFIKASI DAN SEMAKAN PROSEDUR PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU PROGRAM PENGAJIAN DQ**

13 Oktober 2022 - Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan pengambilan pelajar baharu Darul Quran serta 10 Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah terlibat dalam Bengkel Verifikasi dan Semakan Prosedur Pengambilan. Bengkel yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor Darul Quran ini telah berlangsung selama dua hari bermula 12 dan 13 Oktober 2022.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman serta menambah baik garis panduan pengambilan yang sedia ada bagi tujuan persediaan pengambilan pada masa hadapan.

Pada majlis penutup bengkel, Pendaftar Darul Quran, Encik Azizuddin bin Mohd Hashim berkata, program seperti ini diharap menjadi program tahunan bagi setiap kali pengambilan supaya proses pengambilan dan pemilihan dapat diadakan dengan lebih berkesan dalam mendapatkan calon pelajar yang terbaik.



## WARGA DQ SERTAI PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN

14 Oktober 2022 – Bagi memastikan warga Darul Quran berada pada tahap kesihatan yang memuaskan, Darul Quran dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor telah menganjurkan Program Kesedaran Kesihatan serta pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada kira-kira seramai 150 orang peserta.

Peserta juga didedahkan dengan perkongsian ceramah oleh Dr. Siti Sarah binti Saey, Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Selangor mengenai kepentingan menjaga kesihatan. Penutupan program telah disempurnakan oleh Pendaftar Darul Quran, Encik Azizudin bin Mohd Hashim.

Melalui program kesedaran kesihatan ini diharapkan warga Darul Quran khususnya kakitangan dapat mempertingkatkan tahap penjagaan kesihatan sendiri agar terus konsisten dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan.



## PEPERIKSAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM SESI OKTOBER 2022

14 Oktober 2022 - Seramai 40 orang pelajar Semester Satu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM telah menduduki peperiksaan akhir semester bagi sesi Oktober pada 11-13 Oktober 2022.

Pelajar-pelajar ini telah menduduki peperiksaan syafawi (lisan) bagi Kursus Hifz Al-Quran Syafawi 1, Hifz Al-Quran Tahriri 1, Tajwid Amali 1, Adab Hamalatul Quran, Aqidah dan Bahasa Arab. Peperiksaan ini telah diadakan bertempat di kampus Darul Quran JAKIM.

Cawangan Akademik telah melantik tujuh orang pegawai sebagai panel peperiksaan dan dua orang pengawas calon bagi melancarkan lagi urusan di pusat peperiksaan.

Semoga pelajar-pelajar JAKIM-IIUM terus cemerlang dan gemilang sekali gus memberi impak yang positif kepada masyarakat serta ummah.



### 133 ORANG PELAJAR DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN

15 Oktober 2022 - Seramai 133 orang pelajar telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Pensijilan Tahfiz JAKIM bagi Tahun 2022. Majlis ini diadakan bagi meraikan penat lelah dan usaha pelajar-pelajar yang telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzu' al-Quran. Pelajar-pelajar tersebut terdiri dari tujuh institusi pengajian tinggi yang berkolaborasi bersama Darul Quran JAKIM iaitu International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), University of Cyberjaya (UoC), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Management & Science University (MSU) dan Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi.

Program Pensijilan Tahfiz ini merupakan usaha kerajaan khususnya Darul Quran JAKIM dalam melahirkan golongan huffaz profesional pada masa akan datang seperti doktor, jurutera, arkitek dan seumpamanya serta dalam masa yang sama merupakan seorang penghafaz al-Quran.

Majlis khatam ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM. Majlis ini telah dimulakan dengan perarakan pelajar dan pensyarah bersama perasmi serta tetamu jemputan dari Bangunan Pentadbiran ke Dewan Muktamar.

Upacara khatam dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar banin (lelaki) dengan dipimpin oleh Ustaz Muhammad Nur Aizad bin Azahari. Wakil pelajar, Pengarah Darul Quran dan perasmi pula telah menyampaikan ucapan masing-masing sejurus selepas selesai bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Seterusnya sesi penyampaian sijil khatam dan anugerah kecemerlangan kepada para pelajar yang terpilih. Anugerah-anugerah yang telah disampaikan ialah Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik, Anugerah Khas, Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang dan Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar.





## HUFFAZ DQ MENYANTUNI MASYARAKAT KAMPUNG SEMERA ASAJAYA SARAWAK

16 Oktober 2022 - Seramai 28 pelajar Semester Lima Syukbah Syariah Darul Quran JAKIM telah berkunjung ke Kampung Semera, Asajaya, Sarawak bagi menjayakan Program Khidmat Masyarakat bersama penduduk kampung. Pelbagai aktiviti dilakukan sepanjang program yang bermula sejak 14 Oktober 2022, antaranya gotong-royong perdana, pertandingan amal Islami, tahsin bacaan al-Fatihah, smart solat, bantuan musaadah JAKIM dan forum bual bicara sempena Maulidur Rasul.

Program Khidmat Masyarakat ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Semester Lima di bawah kod Kursus MPU 2412. Antara tujuan pelaksanaan program ini ialah dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menimba ilmu mengenai konsep bersosial bersama masyarakat dan bersikap mulia terhadap orang lain.

Perasmian penutup Program Khidmat Masyarakat ini telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd Izwan bin Sharif, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Insan mewakili Pengarah JAKIM Sarawak. Semoga dengan pelaksanaan program khidmat masyarakat ini dapat memberikan manfaat dan sumbangan yang besar kepada masyarakat Kampung Semera insya-Allah.



## **PENSYARAH DQ SERTAI BENGKEL PENGUKUHAN PEMBINAAN ITEM SOALAN PEPERIKSAAN**

17 Oktober 2022 - Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti soalan peperiksaan, Darul Quran telah mengadakan Bengkel Pengukuhan Pembinaan Item Soalan Peperiksaan Peringkat Darul Quran JAKIM Tahun 2022. Bengkel yang diadakan di Dewan Perpustakaan ini telah disertai seramai 48 orang pensyarah.

Enam objektif yang digariskan adalah sebagaimana berikut:

- a) memahirkan para pensyarah untuk membina soalan yang berkualiti.
- b) mendedahkan pensyarah-pensyarah kepada soalan-soalan yang berpiawai dari segi skop soalan, bentuk soalan dan Jadual Spesifikasi Item (JSI).
- c) mendedahkan kepada pensyarah-pensyarah cara-cara membina item dari pelbagai aras.
- d) memahirkan pensyarah membina item/soalan yang berkualiti berdasarkan prinsip penulisan item.
- e) soalan yang dibina hendaklah bertepatan dengan Course Learning Outcome (CLO) dan Programme Learning Outcome (PLO) bagi setiap kursus.
- f) memupuk semangat kerja berpasukan dan memberi komitmen yang tinggi dalam sesuatu tugas.

Pengisian bagi Slot 1 adalah berkaitan Panduan Pembinaan Item Soalan manakala bagi Slot 2 adalah berkaitan Panduan Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Nizam Lee bin Abdullah. Beliau merupakan Dekan Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Keberkesanan bengkel ini memberikan pelbagai input dan pengetahuan baharu yang dapat dimanfaatkan sebagai penambahbaikan persediaan kepada pensyarah-pensyarah untuk menghasilkan soalan-soalan yang bermutu dan berkualiti.





## LAWATAN MAHABBAH AJK MASJID BANDARAYA KOTA KINABALU KE PUSAT ISLAM DQ

18 Oktober 2022 - Pusat Islam Darul Quran telah menerima kunjungan mahabbah delegasi dari Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Tujuan kunjungan ini adalah untuk bertukar-tukar pandangan serta berkongsi idea berkaitan program pengimarahannya di samping memperkasakan program tahfiz yang telah dilaksanakan di Masjid Bandaraya tersebut dengan menjadikan Darul Quran sebagai model rujukan.

Delegasi tersebut telah diketuai oleh Haji Sabari bin Kamari, Pengarah Pendidikan Masjid bersama tiga orang jawatankuasa masjid yang lain. Sementara delegasi pihak Masjid Bandaraya ini telah diraikan dalam majlis secara santai oleh Pendaftar Darul Quran, Encik Azizuddin bin Mohd Hashim bersama Penolong Pengarah Kanan Pusat Islam dan ahli-ahli jawatankuasa Pusat Islam yang lain.

Semoga lawatan mahabbah ini dapat lagi memperkukuhkan jaringan kerjasama antara kedua belah pihak terutamanya berkaitan program pengimarahannya.



## SISTEM E-KAMPUS DQ 2.0 SEDANG DIBANGUN

21 Oktober 2022 - Pegawai-pegawai Darul Quran yang mewakili setiap seksyen dan unit masing-masing telah berkampung di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM Perak bagi menjayakan Bengkel Pembangunan Sistem e-Kampus Darul Quran 2.0. Bengkel ini telah diadakan selama tiga hari bermula 19 hingga 21 Oktober 2022.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah bagi membentangkan modul dan proses kerja berkaitan unit masing-masing untuk dijana dalam sistem e-kampus DQ versi 2.0. Darul Quran mensasarkan sistem e-kampus yang baharu ini dapat digunakan sepenuhnya pada bulan Mac tahun 2024.



## **DISKUSI ILMU TARANUM TARIK MINAT PELAJAR DAN MASYARAKAT SETEMPAT**

21 Oktober 2022 - Dalam usaha meningkatkan penguasaan tentang pengaplikasian ilmu taranum dalam bacaan al-Quran secara murattal, Darul Quran dengan kerjasama Kelab Taranum DQ telah menganjurkan Diskusi Ilmu Taranum Al-Quran Tahun 2022. Diskusi ini telah disampaikan oleh Al-Fadil Ustaz Hasim bin Harun, mantan Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Beliau juga merupakan qari yang pernah beberapa kali menjuarai Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

Diskusi yang berlangsung selama dua jam bermula pada jam 3.00 petang ini telah dihadiri seramai 300 orang peserta terdiri daripada para pelajar dan pensyarah Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Turut hadir pensyarah-pensyarah Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IPT dan imam serta bilal masjid-masjid sekitar Daerah Hulu Selangor. Selain itu, diskusi ini turut mendapat penyertaan daripada orang ramai yang menontong secara dalam talian melalui aplikasi facebook Darul Quran JAKIM.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Haji Othman bin Muda, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengajian Am yang mewakili Pengarah Darul Quran. Dalam ucapannya beliau mengharapkan agar para peserta terutamanya anak-anak pelajar tahfiz di Darul Quran dan LTDQ mendapat input-input berguna berkenaan ilmu taranum dan yang paling penting dapat mengaplikasikannya terutama ketika memperdengarkan bacaan al-Quran.



## PELAJAR PENSIJILAN JAKIM-IIUM SELESAI DUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

27 Oktober 2022 - Seramai 34 orang pelajar Semester Tiga Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM telah menduduki peperiksaan akhir yang berlangsung pada 25-27 Oktober 2022.

Pelajar-pelajar ini telah menduduki peperiksaan Syafawi (lisan) bagi Kursus Hifz Al-Quran Syafawi 3 dan Tajwid Amali 3 bertempat di Aras 1 Blok Akademik Baru. Manakala bagi kursus-kursus seperti Hifz Al-Quran Tahriri 3, Aqidah, Bahasa Arab 3 dan Bahasa Inggeris 3 dilaksanakan di Dewan Mukhtamar Darul Quran JAKIM.

Cawangan Akademik telah melantik beberapa 10 orang pegawai sebagai panel dan pengawas bagi melancarkan lagi urusan di dewan peperiksaan.

Untuk rekod, program ini dilaksanakan secara kerjasama di antara Darul Quran JAKIM dengan International Islamic University Malaysia (IIUM). Program yang dijalankan sepenuhnya di kampus Darul Quran ini ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM aliran Sains Agama dan dijalankan dalam tempoh selama 18 bulan.

Semoga pelajar-pelajar Program Pensijilan JAKIM-IIUM terus cemerlang sekali gus memberi impak yang positif kepada masyarakat dan ummah.



## JASAMU DIKENANG

27 Oktober 2022 – Sudah menjadi lumrah, setiap pertemuan pasti adanya perpisahan. Darul Quran telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan jasa dan bakti enam orang pegawai termasuk mantan Pengarah Darul Quran yang telah bersara awal dan bertukar ke pelbagai tempat.

Enam orang pegawai yang diraikan tersebut ialah:

- Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh bertukar ke Bahagian Dakwah JAKIM;
- Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf bersara awal;
- Ustaz Muhammad Adam bin Ab Rashid bertukar ke Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- Ustaz Ahmad Azrul bin Mohamad Tahir bertukar ke Bahagian Pengurusan Halal;
- Ustaz Abd Razak bin Mohd Zain bertukar ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Serendah; dan
- Ustaz Mat Zaki bin Mat Zain bertukar ke Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Kubu Bharu.

Selamat maju jaya diucapkan dan semoga terus cemerlang menabur bakti memberikan perkhidmatan yang terbaik.



## MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ JAKIM-IPT

28 Oktober 2022 - Kira-kira 30 orang ahli mesyuarat yang merupakan wakil daripada Institusi Pengajian Tinggi termasuk urus setia telah menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Program Pensijilan Tahfiz JAKIM bertempat di Kompleks Islam Putrajaya (KIP) JAKIM pada pagi ini. Mesyuarat penyelarasan tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said.

Tujuan mesyuarat penyelarasan tersebut diadakan ialah bagi menyelaraskan Program Pensijilan Tahfiz JAKIM dengan IPT-IPT yang berkolaborasi. Mesyuarat ini menjadi medium bagi pembentangan beberapa kertas laporan di samping membincangkan sebarang permasalahan yang dihadapi.

Semoga dengan pelaksanaan mesyuarat ini dapat meningkatkan lagi kualiti Program Pensijilan Tahfiz JAKIM.



## NOVEMBER 2022

### **17 ORANG PEGAWAI BAHARU LANTIKAN JAKIM LAPOR DIRI DI DQ**

4 November 2022 - Seramai 17 orang Pegawai Hal Ehwal Islam lantikan baharu JAKIM telah melapor diri di Darul Quran pada hari ini. Sesi taklimat kepada para pegawai baharu telah dipengerusikan oleh Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali, Timbalan Pengarah Akademik yang mewakili Pengarah Darul Quran.

Antara agenda dalam sesi tersebut ialah penyampaian amanat oleh Timbalan Pengarah Akademik, penerangan tentang latar belakang Darul Quran, peraturan dan pekeliling semasa yang sedang berkuatkuasa serta sesi ta'aruf ringkas daripada para pegawai lantikan baharu.

Bagi pihak warga Darul Quran mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat berkhidmat di Darul Quran Kuala Kubu Bharu. Semoga dengan penambahan pegawai-pegawai baharu ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kualiti pendidikan tahfiz di Malaysia, insya-Allah.



## PELAJAR DIPLOMA SELESAI MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

14 November 2022 - Seramai 1342 orang pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran semester satu, tiga dan lima telah selesai menduduki peperiksaan akhir semester pada 31 Oktober 2022 hingga 14 November 2022 di Darul Quran JAKIM dan di sepuluh Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) menerusi jaringan kerjasama pendidikan tahfiz Al-Quran seluruh negeri.

Cawangan Akademik Darul Quran JAKIM telah melantik 39 orang pegawai sebagai panel bagi kursus Hifz Al-Quran Syafawi manakala 18 orang sebagai pengawas calon dan 20 orang pegawai dilantik sebagai pegawai pemantau bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan di lokasi peperiksaan.

Untuk rekod, program pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran yang mula diperkenalkan sejak tahun 1983 sehingga kini menawarkan sebanyak enam syukbah (pengkhususan kursus) kepada pelajar antaranya Syukbah Qiraat, Syukbah Dakwah, Syukbah Syariah, Syukbah Hadith, Syukbah Muamalat dan Syukbah Pengurusan Halal.

Diharapkan semoga pelajar-pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat terus cemerlang dan gemilang sekali gus memberi impak yang positif kepada masyarakat dan ummah.



## KUNJUNGAN HORMAT ISTERI MANTAN MUFTI PALESTIN KE DARUL QURAN

15 November 2022 – Darul Quran telah menerima tetamu antarabangsa iaitu Sheikhah Nailah Hashim, isteri kepada mantan Mufti Palestin Sheikh Ikrimah Sobri, bersama-sama lima orang lagi tetamu yang lain. Para tetamu telah disambut mesra oleh YBrs. Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah Darul Quran bersama para pegawai kanan Darul Quran yang lain.

Antara perkongsian yang sempat diberikan ialah para tetamu telah diberikan taklimat mengenai latar belakang Darul Quran dan peranan sebagai institusi Pendidikan Tahfiz di negara ini. Tetamu juga turut dibawa melihat kelas-kelas pengajian al-Quran dan juga suasana persekitaran Darul Quran.

Antara perkongsian yang menarik juga, pihak Darul Quran dimaklumkan bahawa Sheikhah Nailah Hashim ialah wanita pertama yang menulis tafsir Al-Quran dengan lengkap iaitu Kitab Al-Mubsir li Nur Al-Quran yang ditulis selama 20 tahun dengan 150 rujukan dan dicetak sebanyak 11 jilid. Semoga kedatangan delegasi ini dapat mengukuhkan lagi hubungan terutamanya Pendidikan Tahfiz di Malaysia insyallah.



## DARUL QURAN SERTAI KARNIVAL KERJAYA MRSM GEMENCHEH

24 November 2022 - Darul Quran telah dijemput untuk menyertai Karnival Kerjaya Anjuran Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencneh. Selain itu juga beberapa IPT & LTDQ yang berkolaborasi dengan Darul Quran juga turut serta dlm pameran yang dianjurkan iaitu ITQAN, UTEM dan UNITEN. Terdapat juga beberapa IPT & IPTS yang hadir.

Karnival ini dianjurkan bagi mendedahkan para pelajar mengenai institusi Darul Quran JAKIM dan lain-lain IPTA & IPTS mengenai program2 yang dijalankan.



## PERANTIS SKM DQ SELESAI DUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

29 November 2022 - Seramai 12 orang perantis Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 (program modular) sesi Mei hingga November 2022 telah selesai menduduki peperiksaan akhir pada hari ini. Kesemua perantis tersebut juga telah selesai menjalani latihan CU 1 iaitu Pengajaran Tahfiz al-Quran dan Tajwid (Hafazan Juzuk 30 dan Juzuk 1 hingga 4) serta CU 4 iaitu Pengajaran Asas Fardhu Ain.

Turut hadir sebagai panel penilai luar ialah Ustaz Mohd Zaharuddin bin Husain, Pegawai Pengesanan Luar (PPL) yang telah dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Semoga kesemua perantis SKM ini berjaya mendapat keputusan yang cemerlang.



## DISEMBER 2022

### **145 ORANG PELAJAR, GURU TERMASUK PENERUSI AHLI LEMBAGA JEMAAH PENGURUSAN MAAHAD TAHFIZ AL-JAUHAR ADAKAN LAWATAN ILMIAH KE KAMPUS DARUL QURAN**

1 Disember 2022 – Seramai 145 orang terdiri daripada pelajar-pelajar, guru-guru penolong kanan, guru-guru tahfiz dan akademik serta Pengerusi Ahli Lembaga Jemaah Pengurusan Maahad Tahfiz Al-Jauhar, Johor telah mengadakan lawatan ilmiah ke kampus Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan pendedahan berkaitan sistem pendidikan serta kaedah pembelajaran di Darul Quran khususnya bagi bidang tahfiz al-Quran.

Maka selaras dengan fungsi Darul Quran sebagai “pusat rujukan pengajian tahfiz al-Quran dan Qiraat di Malaysia”, delegasi pelawat telah disantuni oleh pegawai-pegawai kanan Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Lawatan ini diisi dengan beberapa agenda seperti ucapan wakil kedua-dua belah pihak, tayangan video korporat Darul Quran, sesi taklimat dari Jabatan Tahfiz Darul Quran dan sesi bergambar.

Pihak Darul Quran mendoakan agar para tetamu mendapat manfaat daripada lawatan ilmiah ini dan semoga suatu hari nanti ada dalam kalangan pelajar yang hadir hari ini bakal menjadi pelajar Darul Quran JAKIM.

